



Dakwaan Kelantan negeri tertinggi kes jenayah tidak tepat, tidak lengkap dan mengelirukan –TMB Kelantan

Islam perlu difahami sebagai panduan mentadbir kehidupan – Dato' Mohd Amar

Kebun markisa di Guchil bukti tanah terbiar mampu jana pendapatan

Kelantan jadikan pendidikan agenda utama pembangunan negeri

MKI: Ulama pandu masyarakat ikut wahyu, umara jaga masalah ummah -MB Kelantan

Oleh: Syamimi Manah

KOTA BHARU, 1 Julai — Majlis Tautan Ulama' dan Umara' menjadi simbol kesatuan antara dua institusi yang menjadi tonggak kekuatan umat Islam, apabila ulama berperanan memandu masyarakat berasaskan petunjuk wahyu manakala umara melaksanakan amanah pemerintahan demi menegakkan keadilan dan menjaga masalah rakyat.

Menteri Besar Kelantan YAB Dato' Panglima Perang Dato' Mohd Nassuruddin Daud berkata, sinergi antara ulama dan umara amat penting dalam mendepani pelbagai cabaran semasa agar setiap dasar dan keputusan yang dibuat sentiasa berpaksikan syariat Islam serta memenuhi kepentingan rakyat.

Beliau berkata demikian ketika merasmikan Majlis Tautan Ulama' dan Umara sempena Mesyuarat Jawatankuasa Muzakarah Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Agama Islam Malaysia (MKI) Kali Ke-130 di sebuah hotel, di sini, semalam.

Menurutnya, Mesyuarat Jawatankuasa Muzakarah MKI terus memainkan peranan penting sebagai platform menyatukan ijtihad dan pandangan ulama dari seluruh negara dalam menangani pelbagai isu semasa yang dihadapi umat Islam.

“MKI telah memainkan peranan yang sangat besar dalam menyatu-



kan pandangan dan ijtihad para ulama di negara ini. Walaupun Malaysia mempunyai latar belakang masyarakat dan pentadbiran agama yang pelbagai, melalui platform muzakarah inilah lahir pelbagai keputusan penting yang menjadi rujukan kepada umat Islam,” katanya.

Mesyuarat yang berlangsung selama tiga hari bermula 29 Jun hingga 1 Julai itu menghimpunkan para mufti serta Ahli Jawatankuasa Muzakarah MKI dari seluruh negara bagi membincangkan pelbagai isu berkaitan hal ehwal agama Islam.

Mengulas lanjut, beliau menegaskan, perkembangan pesat teknologi digital, kecerdasan buatan (AI), bioteknologi, aset digital, mata wang kripto serta pelbagai isu kontemporari menuntut panduan syariah yang tepat, berwibawa dan

selari dengan realiti semasa.

“Setiap isu baharu tidak boleh dinilai secara terpisah daripada realiti semasa. Ia menuntut penelitian yang mengaitkan maqasid syariah, perkembangan sains, kemajuan teknologi serta implikasinya kepada kehidupan umat Islam,” ujarinya.

Beliau berkata, Kelantan akan terus mempertahankan dasar Membangun Bersama Islam dengan memastikan pembangunan insan bergerak seiring pembangunan fizikal, di samping memelihara tradisi keilmuan yang menjadikan negeri itu dikenali sebagai Serambi Mekah.

Katanya, kerajaan negeri juga komited memperkukuh institusi fatwa, pendidikan Islam, pengajian qada' serta pelbagai program pembangunan insan bagi melahirkan masyarakat yang berilmu, berakhlak dan bertanggungjawab.

“

MKI telah memainkan peranan yang sangat besar dalam menyatukan pandangan dan ijtihad para ulama di negara ini. Walaupun Malaysia mempunyai latar belakang masyarakat dan pentadbiran agama yang pelbagai, melalui platform muzakarah inilah lahir pelbagai keputusan penting yang menjadi rujukan kepada umat Islam,”

“Tanggungjawab membina masa depan ummah bukanlah tugas ulama sahaja dan bukan juga tugas pemerintah semata-mata. Ia merupakan amanah bersama yang memerlukan kerjasama semua pihak untuk melahirkan generasi yang cemerlang dalam bidang profesional dan teknologi tanpa kehilangan iman, akhlak serta identiti Islam,” katanya.

Beliau turut merakamkan penghargaan kepada pihak penganjur kerana memilih Kelantan sebagai tuan rumah Mesyuarat Jawatankuasa Muzakarah MKI Kali Ke-130.

Harapannya, pertemuan tersebut terus memperkukuh ukhuwah, mempererat hubungan antara ulama dan umara serta menghasilkan keputusan yang menjadi panduan kepada umat Islam, sekali gus membawa manfaat kepada agama, bangsa dan negara.



Dakwaan Kelantan negeri tertinggi kes jenayah tidak tepat, tidak lengkap dan mengelirukan –TMB Kelantan



Oleh: Syamimi Manah

KOTA DARULNAIM, 1 Julai – Dakwaan bahawa Kelantan merupakan negeri tertinggi dalam kadar kes jenayah disifatkan sebagai tidak tepat, tidak lengkap dan mengelirukan kerana tidak berasaskan kepada keseluruhan data rasmi yang diterbitkan agensi kerajaan.

Timbalan Menteri Besar Kelantan YB Dato' Dr Mohamed Fadzli Hassan berkata, dakwaan tersebut yang tular di media sosial serta dibangkitkan dalam wacana politik telah dipetik secara terpilih sehingga membentuk persepsi negatif terhadap negeri ini.

Menurutnya, antara dakwaan yang dirujuk termasuk video ceramah Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan YB Nga Kor Ming yang didakwa menggambarkan Kelantan berdepan masalah sosial serius melibatkan HIV/AIDS, kes rogol, jenayah seksual kanak-kanak

dan penyalahgunaan dadah.

Selain itu, beliau berkata dakwaan turut dibangkitkan oleh Ahli Parlimen Jelutong YB Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji (RSN Rayer) ketika perbahasan Rang Undang-Undang Kesalahan-Kesalahan Seksual Terhadap Kanak-Kanak (Pindaan) 2026 di Dewan Rakyat, yang didakwa memetik sumber portal berita tanpa merujuk kepada data rasmi negara sehingga menggambarkan situasi tidak tepat.

“Dakwaan bahawa Kelantan berada pada kedudukan tertinggi jenayah adalah tidak tepat, tidak lengkap dan mengelirukan kerana ia tidak disandarkan kepada keseluruhan data rasmi yang sahih,” katanya dalam sidang media, selepas Mesyuarat Exco di Mabna, hari ini.

Beliau menjelaskan, berdasarkan Statistik Jenayah Malaysia 2025 oleh Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM), Kelantan merekodkan 2,296 kes jenayah indeks pada tahun 2024 dengan nisbah 109, jauh lebih rendah berbanding Selangor yang mencatatkan 11,910 kes.

Tambahnya, bagi kategori keganasan seksual, Kelantan merekodkan 330 kes pada tahun 2024, manakala kes rogol mencatatkan

147 kes, iaitu lebih rendah berbanding beberapa negeri lain seperti Selangor, Sabah dan Johor.

“Data rasmi menunjukkan Kelantan bukan negeri tertinggi dalam kategori jenayah indeks mahupun jenayah seksual seperti yang sering digambarkan,” jelasnya.

Beliau turut menegaskan bahawa bagi kes jenayah seksual terhadap kanak-kanak, Kelantan merekodkan 128 kes rogol bawah umur pada tahun 2024, namun tidak mencatatkan sebarang kes bagi kategori eksploitasi seksual kanak-kanak.

“Ini membuktikan bahawa dakwaan yang menyapu rata semua kategori sehingga meletakkan Kelantan sebagai negeri tertinggi adalah tidak tepat dan tidak berasaskan analisis menyeluruh,” tegasnya.

Dalam pada itu, beliau berkata isu HIV/AIDS juga sering digunakan secara tidak tepat dalam perbahasan awam, sedangkan data KKM menunjukkan negeri lain mencatatkan jumlah kes lebih tinggi berbanding Kelantan.

Menurutnya, Selangor mencatatkan jumlah kes baharu HIV tertinggi pada tahun 2023 dan 2025, diikuti beberapa negeri lain termasuk Kuala Lumpur dan Sabah, manakala Kelantan merekodkan

angka yang jauh lebih rendah.

“Isu kesihatan awam tidak wajar dipolitikkan dengan memetik data secara terpilih. Ia memerlukan kefahaman menyeluruh berdasarkan statistik rasmi,” ujarnya.

Sementara itu, Dato' Dr Mohamed Fadzli Hassan menegaskan Kerajaan Negeri tidak menafikan kewujudan cabaran sosial termasuk isu dadah, namun pelbagai usaha telah dan sedang dilaksanakan secara berterusan.

“Kerajaan Negeri mengambil pendekatan menyeluruh melalui pencegahan, pendidikan, penguatkuasaan dan pemulihan. Ini adalah tanggungjawab bersama semua pihak,” ujarnya.

Beliau turut memaklumkan, Jawatankuasa Menangani Gejala Sosial dan Maksiat telah ditubuhkan bagi menyelaraskan tindakan antara agensi negeri dan persekutuan dalam menangani isu sosial secara lebih berkesan.

Mengulas lanjut, beliau menegaskan isu jenayah dan sosial tidak wajar dijadikan modal politik kerana ia melibatkan keselamatan serta kesejahteraan rakyat.

“Isu ini perlu ditangani secara berfakta, bukan berdasarkan persepsi atau naratif politik yang dipilih-pilih,” katanya.

Tangani isu warga asing, Kelantan perketat lesen perniagaan



Oleh: Syamimi Manah

KOTA DARULNAIM, 29 Jun – Kerajaan Negeri Kelantan memperketat syarat lesen premis perniagaan yang dikeluarkan oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT)

sebagai langkah menangani isu warga asing menguasai perniagaan di negeri ini, di samping memastikan pengurusan premis mematuhi peraturan yang ditetapkan.

Exco Kerajaan Tempatan, Perumahan, Kesihatan dan Alam Sekitar YB Hilmi Abdullah berkata, pelaksanaan itu dikuatkuasakan menerusi Pekeliling Pembangunan Bil. 2 Tahun 2026 yang kini dilaksanakan oleh semua PBT di Kelantan.

Menurutnya, langkah tersebut bertujuan memperkukuhkan pematuhan terhadap syarat pelesenan selain memastikan hanya individu yang layak dibenarkan menguruskan premis perniagaan.

“Pelaksanaan ini bertujuan memperkukuhkan pematuhan syarat pelesenan serta memasti-

kan pengurusan premis perniagaan dilaksanakan mengikut peraturan yang telah ditetapkan,” katanya di laman rasmi, hari ini

Beliau menjelaskan, antara syarat baharu yang diperkenalkan ialah pemohon yang berkahwin perlu mengemukakan maklumat pasangan berserta dokumen perkahwinan, manakala hanya pemegang lesen atau penama (nominee) yang merupakan warganegara Malaysia dibenarkan menguruskan premis.

Selain itu, semua maklumat pekerja warga asing hendaklah dipamerkan dengan jelas di premis bagi memudahkan pemantauan dan tindakan penguatkuasaan oleh pihak berkuasa.

“Kegagalan mematuhi syarat-syarat yang ditetapkan boleh

menyebabkan tindakan penguatkuasaan diambil termasuk kompaun, penggantungan lesen atau pembatalan lesen, tertakluk kepada peruntukan undang-undang yang berkuat kuasa,” jelasnya.

Sehubungan itu, beliau menggesa semua pemegang lesen dan pengusaha premis supaya meneliti infografik yang disediakan serta memastikan premis masing-masing mematuhi syarat-syarat baharu berkenaan.

Tambahnya, pelaksanaan syarat lesen yang lebih ketat itu mencerminkan komitmen kerajaan negeri dalam memastikan ekosistem perniagaan yang lebih tersusun, telus dan memelihara kepentingan peniaga tempatan selaras dengan peruntukan undang-undang yang berkuat kuasa.

1,494 pelajar cemerlang SPM, STPM dan STAM 2025 terima anugerah Kerajaan Kelantan

Oleh: Asri Hamat

KOTA DARULNAIM, 28 Jun - Sebanyak 1,494 pelajar lepasan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM), Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM) dan Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM) 2025 yang mencatat keputusan cemerlang menerima Anugerah Kecemerlangan Peperiksaan berupa wang tunai RM500 daripada Kerajaan Negeri Kelantan, hari ini.

Penyampaian anugerah disempurnakan Menteri Besar Kelantan YAB Dato' Panglima Ustaz Dato' Mohd Nasruddin Daud pada majlis yang berlangsung di Dewan Tok Guru Bentara Setia, Kompleks Kota Darulnaim, hari ini.

Dalam ucapannya, Dato' Mohd Nasruddin berkata, jumlah pelajar cemerlang di Kelantan terus menunjukkan peningkatan daripada 1,300 orang tahun lalu kepada 1,494 orang pada tahun ini.

Beliau berkata, kerajaan negeri memperuntukkan sebanyak RM747,000 bagi menghargai pencapaian pelajar terbabit.

"Hari ini kita belanja RM747,000 dan in sya-Allah jika jumlah pelajar cemerlang terus meningkat pada tahun-tahun akan datang, kerajaan sanggup membelan-



ja walaupun mencecah jutaan ringgit untuk anak-anak kita.

"Biar kita miskin harta asalkan jangan miskin ilmu. Allah mengangkat kedudukan orang yang mempunyai ilmu," katanya.

Beliau turut mengingatkan pelajar supaya terus mengekalkan kecemerlangan apabila melanjutkan pengajian ke institusi pengajian tinggi.

Katanya, pelajar perlu bertekad menjadi cemerlang di universiti selain tidak mudah terpengaruh dengan kejutan budaya dan persekitaran baharu.

"Kejutan budaya juga satu penyakit. Apabila berada di universiti, kita akan bertemu rakan daripada pelbagai negeri dan negara. Jangan mudah terpengaruh, sebaliknya pastikan kita mempunyai identiti sendiri.

"Kita ada kelainan daripada

segi akhlak, disiplin dan pencapaian akademik. Itulah identiti pelajar Kelantan," jelasnya.

Menurutnya lagi, kerajaan negeri berhasrat untuk melahirkan generasi berilmu yang memiliki akhlak serta dapat menabur bakti kepada masyarakat.

"Anak-anak semua adalah harapan ibu bapa, guru, masyarakat, negeri dan negara.

"Kita mahu melihat pelajar Kelantan apabila tamat pengajian nanti dapat menabur bakti kepada masyarakat serta berada di kedudukan tertinggi dalam pelbagai sektor di negeri dan negara," katanya.

Pada majlis sama, anugerah turut disampaikan kepada pelajar cemerlang STPM 2025 peringkat kebangsaan, Siti Maisarah Yahya Lotfi dari Tumpat yang memperoleh Purata Nilai Gred Kumulatif (PNGK) 4.0.



Turut diadakan ialah penyerahan cek cura kepada Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN).

Untuk rekod, Kerajaan Negeri Kelantan membelanjakan sebanyak RM9.591 juta bagi Anugerah Kecemerlangan Pelajar sejak ia mula dilaksanakan pada tahun 2006.

Hadir sama, Exco Pendidikan, Pengajian Tinggi, Teknologi Hijau, Digital dan Inovasi YB Dato' Wan Roslan Wan Hamat, Mufti Kerajaan Negeri Kelantan YB Sahibul Samahah Dato' Kaya Perba, Dato' Mohamad Shukri Mohamad, Timbalan Mufti Kerajaan Negeri Kelantan YB Dato' Biji Sura Dato' Nik Abdul Kadir Nik Mohamad, Pengarah Yayasan Islam Kelantan (YIK) Shamsul Abu Bakar dan Pengarah PTPTN Negeri Kelantan, Hamdan Razali.

Islam perlu difahami sebagai panduan mentadbir kehidupan – Dato' Mohd Amar



Oleh: Syamimi Manah

KOTA DARULNAIM, 29 Jun – Islam perlu difahami sebagai panduan yang menyeluruh dalam mengatur kehidupan termasuk aspek pemerintahan, pentadbiran dan keadilan bukan tertumpu kepada ibadah khusus semata-mata.

Speaker Dewan Negeri Kelantan YB Dato' Sri Amar D'Raja Dato' Mohd Amar Abdullah menegaskan Islam mengajar umatnya secara komprehensif.

"Islam tidak datang hanya mengajar hubungan manusia den-

gan Allah, bahkan membimbing bagaimana masyarakat dan negara ditadbir dengan amanah dan keadilan. Atas sebab itulah usaha melemahkan kefahaman politik umat sentiasa berlaku dalam pelbagai bentuk," katanya di laman rasmi, semalam.

Menurutnya, sejarah membuktikan Islam yang paling digeruni ialah Islam yang mengatur kehidupan secara menyeluruh, merangkumi akidah, ibadah, akhlak, pemerintahan, keadilan dan pentadbiran.

Katanya, peristiwa Hijrah Rasulullah SAW turut menjadi bukti bahawa kejayaan tidak hadir hanya dengan semangat dan tawakal, sebaliknya memerlukan perancangan yang teliti, strategi yang jelas serta pengurusan yang tersusun.

"Perjuangan tidak boleh digerakkan secara sambil lewa. Mem-

bina pemerintahan yang baik memerlukan perancangan yang rapi, strategi yang jelas, pengurusan yang cekap serta disiplin organisasi yang kukuh," jelasnya.

Beliau menjelaskan bahawa sifat fatanah yang ditunjukkan Rasulullah SAW ketika peristiwa Hijrah perlu dicontohi oleh umat Islam dalam membina kepimpinan dan mengurus perjuangan secara berkesan.

Dalam pada itu, beliau berkata dakwaan bahawa Islam di negara ini tidak pernah terancam perlu dinilai secara objektif, sambil merujuk bantahan terhadap cadangan pembinaan sebuah masjid di Bukit Bintang baru-baru ini sebagai antara perkara yang mengundang persoalan terhadap penghormatan kepada syiar Islam di ruang awam.

Dato' Mohd Amar turut melahirkan kebimbangan terhadap kecenderungan segelintir pihak yang memisahkan amalan ibadah daripada urusan pemerintahan dan hala tuju negara, sedangkan kedua-duanya saling berkait dalam ajaran Islam.

"Perpaduan ialah benteng kekuatan umat Islam. Apabila umat berpecah dan gagal mengurus kekuatan yang dimiliki, pihak lain akan lebih mudah menentukan hala tuju masa depan umat," ujarinya.

Sehubungan itu, beliau mengajak umat Islam menjadikan kedatangan tahun baharu Hijrah sebagai medan muhasabah untuk memperkukuhkan perpaduan, mempertahankan agama dengan ilmu, hikmah dan akhlak yang mulia serta membina masa depan umat melalui perancangan yang tersusun.

Busana Melayu tema Festival Kesenian Kelantan 2026



Oleh: Irham Hilmi Hashim

KOTA BHARU, 29 Jun — Busana Melayu dipilih sebagai tema Festival Kesenian Rakyat Kelantan (FKRK) 2026 yang dijadualkan berlangsung di Jeti Pelancongan Tok Bali Pasir Puteh pada 1 hingga 4 Julai.

Sehubungan itu, Menteri Besar Kelantan YAB Dato' Panglima Perang Ustaz Dato' Mohd Nasruddin Daud berkata, pemilihan tema tersebut mencerminkan komitmen berterusan Kerajaan Negeri untuk memastikan warisan Melayu terus dipelihara, dihargai

dan diwariskan kepada generasi akan datang.

"Tahun ini, tema Busana Melayu diangkat sebagai lambang keindahan warisan, adab dan jati diri bangsa.

"Sepanjang festival nanti, pelbagai aktiviti kebudayaan dan kesenian menanti orang ramai. Marilah kita bersama-sama berbusana, meraikan warisan, menghidupkan budaya dan memeriahkan Festival Kesenian Rakyat Kelantan 2026," katanya menerusi kenyataan media, semalam.

Beliau berkata demikian selepas mendengar taklimat yang

disampaikan Pengarah Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara (JKKN) Kelantan Rohaniza Abdullah mengenai persiapan Majlis Perasmian Penutupan FKRK 2026 pada 4 Julai pukul 8.00 malam.

Menurutnya sepanjang festival berlangsung pada pukul 10.00 pagi hingga 11.00 malam pelbagai pengisian berteraskan seni, budaya dan warisan diperkenalkan untuk menonjolkan kekayaan budaya Kelantan kepada masyarakat tempatan serta pelancong.

"Tema Busana Melayu yang dipilih menampilkan keindahan pakaian tradisional dan mengang-

kat nilai adab, kesopanan dan jati diri yang menjadi asas pembentukan tamadun Melayu sejak sekian lama.

"Festival Kesenian Rakyat Kelantan merupakan platform penting dalam memelihara, mempromosi dan memperkasakan seni budaya negeri, di samping menyemarakkan rasa bangga terhadap identiti bangsa," katanya menerusi media sosial, semalam.

Beliau menyeru penglibatan aktif masyarakat bagi memastikan warisan budaya terus hidup dan berkembang seiring perubahan zaman tanpa kehilangan nilai serta keasliannya.

"Orang ramai dipersilakan hadir memeriahkan Festival Kesenian Rakyat Kelantan 2026 dengan menyertai pelbagai aktiviti yang disusun sepanjang penganjurannya, sekali gus menjadikan festival itu sebagai wadah memperkukuh kecintaan terhadap warisan, budaya dan jati diri bangsa," ujarnya.

ABC-3D antara cabaran belia Kelantan ceburi sektor pertanian

Oleh: Asri Hamat

KOTA DARULNAIM, 30 Jun - Persepsi terhadap cabaran ABC-3D dikenal pasti antara faktor utama yang menghalang golongan belia mendekati sektor pertanian di Kelantan.

Exco Pertanian, Industri Agromakanan dan Komoditi YB Dato' Tuan Mohd Saripudin Tuan Ismail berkata ABC merujuk kepada cabaran Air, Baja dan Cuaca manakala 3D pula ialah tanggapan terhadap pertanian sebagai pekerjaan yang Dirty (kotor), Difficult (sukar) dan Dangerous (berbahaya).

Katanya, persepsi berkenaan telah membina tembok tebal yang menyebabkan ramai belia kurang berminat untuk menceburi sektor pertanian.

"Hakikatnya, pertanian moden hari ini bukan lagi sektor 3D. Sebaliknya, bidang ini telah berkembang menjadi sektor yang 'Digital, Dynamic dan Dignified' (bermaruah), iaitu dipacu teknologi, penuh inovasi dan merupakan profesion yang mulia dalam menjamin keter-



jaminan makanan negara," katanya dalam media sosial, pada Isnin.

Terdahulu, beliau merasmikan Majlis Penutupan Bengkel Agromoda Muda Kelantan Zon Selatan 2026 di Institut Kemajuan Pekebun Kecil (IKPK), Kuala Krai yang disertai 40 peserta.

Menurutnya, bengkel itu bertujuan membina keyakinan, meningkatkan ilmu serta mendedahkan

golongan belia kepada peluang dalam sektor agromoda moden.

Ujarnya, pertanian kini mesti dijadikan pilihan utama kerana mempunyai potensi besar menjana pendapatan serta menjamin ketahanan makanan.

"Semoga ilmu dan pengalaman yang diperoleh sepanjang bengkel ini menjadi pemangkin kepada lahirnya lebih ramai usahawan tani



muda yang berjaya dan mampu memacu pembangunan sektor pertanian di negeri Kelantan.

"Insya Allah, kerajaan negeri melalui Pejabat Exco Pertanian bersama jabatan, agensi dan GLC berkaitan akan terus komited menyediakan sokongan, bimbingan dan ekosistem terbaik bagi memperkasakan generasi agromoda muda Kelantan," jelasnya.

Premium insurans kesihatan naik akibat kelemahan kawal selia, bukan fi doktor - YB Abdul Latiff



Oleh: Irham Hilmi Hashim

KUALA LUMPUR, 29 Jun — Ahli Parlimen Kuala Krai YB Abdul Latiff Abdul Rahman mendakwa peningkatan premium insurans kesihatan yang semakin membebankan rakyat berpunca daripada kelemahan kawal selia ekosistem kesihatan swasta, bukannya fi profesional doktor seperti yang sering dipersepsikan.

Beliau berkata, Penyata Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara (PAC) berhubung peningkatan premium insurans kesihatan, caj hospital swasta dan implikasinya terhadap kesihatan awam mendedahkan pelbagai kelemahan struktur yang memerlukan tindakan segera kerajaan.

Beliau berkata demikian ketika membahaskan Penyata PAC berhubung peningkatan premium insurans kesihatan, caj hospital swasta dan impaknya terhadap kesihatan awam pada Persidangan Dewan Rakyat, semalam.

Menurutnya, laporan PAC menunjukkan ekosistem kesihatan swasta ketika ini masih beroperasi tanpa ketelusan harga, standard pengebilan yang seragam serta mekanisme kawal selia yang mencukupi sehingga akhirnya membebankan rakyat.

“Akibatnya, rakyat berdepan hospital yang mengenakan caj krea-

tif, industri insurans yang mengalihkan risiko kepada pengguna dan kerajaan yang masih ketinggalan dari segi dasar serta mekanisme kawal selia,” jelasnya.

Beliau berkata, PAC turut mendapati Bank Negara Malaysia mengawal selia industri insurans, namun tidak mempunyai instrumen perundangan untuk mengawal punca sebenar kenaikan premium iaitu kos rawatan di hospital swasta.

Menurutnya, keadaan itu menyebabkan masyarakat sering menyalahkan Bank Negara Malaysia apabila premium meningkat sedangkan faktor utama ialah kos rawatan hospital swasta yang berada di luar bidang kuasa institusi berkenaan.

YB Abdul Latiff turut membangkitkan isu ketelusan harga apabila PAC mendedahkan kewujudan amalan caj kreatif, pengebilan yang tidak standard serta manipulasi harga ubat sehingga item seperti sarung bantal, ‘alcohol swab’ dan pelupusan sisa klinikal dikenakan caj secara berasingan.

Beliau turut melahirkan kebimbangan terhadap dakwaan wujud diskriminasi harga ke atas pesakit yang menggunakan guarantee letter (GL) apabila mereka dikenakan caj lebih tinggi berbanding pesakit yang membuat bayaran secara tunai atau melalui kaedah pay and claim.

“Keadaan ini menyebabkan pemegang insurans akhirnya membayar kos rawatan yang lebih tinggi berbanding mereka yang tidak mempunyai perlindungan,” katanya.

Beliau turut menyentuh amalan ‘closed pool’ yang didakwa menyebabkan pelanggan lama menanggung kenaikan premium jauh lebih

tinggi manakala syarikat insurans menawarkan kadar lebih rendah kepada pelanggan baharu.

Menurutnya, keadaan itu memberi kesan besar kepada pemegang polisi khususnya warga emas sehingga ada yang terpaksa membatalkan perlindungan ketika mereka paling memerlukan rawatan kesihatan.

Beliau turut menjelaskan bahawa produk polisi berkaitan pelaburan (Investment-Linked Policy atau ILP) telah memindahkan risiko pasaran dan peningkatan kos insurans kepada pengguna yang kebanyakannya tidak memahami struktur yuran serta prestasi dana.

“Kontrak yang kompleks tidak seharusnya dijadikan alasan untuk memindahkan beban kepada pengguna secara senyap kerana ketelusan merupakan satu kewajipan,” katanya ketika dihubungi, hari ini.

Mengulas lanjut, YB Abdul Latiff menegaskan fi profesional doktor bukan penyumbang utama kepada peningkatan kos rawatan kerana kadarnya dikawal dan hampir tidak berubah sejak 2013.

Sebaliknya, beliau berkata peningkatan kos berpunca daripada kenaikan harga ubat, peralatan perubatan, perkhidmatan makmal diagnostik, utiliti serta kos operasi hospital swasta.

Dalam pada itu, beliau turut menarik perhatian terhadap struktur pasaran ubat yang disifatkan tidak sihat apabila lebih 1,500 jenis ubat hanya mempunyai seorang pengeluar berdaftar sehingga mewujudkan monopoli yang mengekalkan harga pada kadar tinggi.

Beliau berkata model penetapan semula premium (repricing) yang menyaksikan kenaikan antara 40

hingga 70 peratus turut memberi kejutan kewangan kepada rakyat, khususnya golongan B40 dan M40 yang sedang berdepan tekanan kos sara hidup.

Menurutnya, laporan mengenai bil hospital yang tinggi, rungutan pesakit GL dikenakan caj lebih mahal serta pembatalan polisi oleh warga emas akibat kenaikan premium bukan lagi kes terpencil, sebaliknya mencerminkan kegagalan mekanisme pasaran bebas yang tidak disokong standard harga dan kawal selia yang berkesan.

Sehubungan itu, beliau mengemukakan beberapa persoalan kepada Kementerian Kesihatan Malaysia, Kementerian Kewangan dan Bank Negara Malaysia, termasuk jumlah hospital swasta yang dikenakan tindakan kerana mengenakan caj lebih tinggi kepada pesakit GL, status pindaan Akta 586 serta cadangan penubuhan badan kawal selia bebas merentas rantaian nilai seperti yang disyorkan PAC.

Beliau turut meminta data jumlah pemegang polisi berusia 60 tahun ke atas yang membatalkan polisi dalam tempoh tiga tahun kebelakangan ini akibat kenaikan premium mengikut syarikat insurans dan jenis produk.

Selain itu, beliau mendesak Bank Negara Malaysia menjelaskan jumlah syarikat yang mengamalkan ‘closed pool’, parameter takrifan amalan tersebut serta sama ada institusi berkenaan bercadang mengharamkannya selain memperkenalkan mekanisme ‘risk pooling’ yang lebih menyeluruh dan koridor kenaikan premium secara berperingkat bagi mewujudkan sistem insurans kesihatan yang lebih adil dan mampan.



Kelantan-Petrosains teroka kerjasama strategik perluas pendidikan STEM

Oleh: Syamimi Manah

KOTA DARULNAIM, 30 Jun – Kerajaan Negeri Kelantan meneroka peluang kerjasama strategik bersama Petrosains Sdn. Bhd. bagi memperluas pendidikan sains, teknologi, kejuruteraan dan matematik (STEM) dalam usaha melahirkan generasi pelajar yang berdaya saing serta bersedia menghadapi cabaran masa depan.

Exco Pendidikan, Pengajian Tinggi, Teknologi Hijau, Digital dan Inovasi YB Dato' Wan Roslan Wan Hamat berkata, perkara itu dibincangkan ketika beliau menerima kunjungan hormat daripada Ketua Pegawai Eksekutif Petrosains Sdn. Bhd. Ezarisma Azni Mohamad bersama barisan pegawai syarikat tersebut di pejabatnya, semalam.

Menurutnya, pertemuan itu turut disertai Timbalan Pengarah Yayasan Islam Kelantan (YIK) Ahmad



Pakhrudin Deraman serta pegawai-pegawai YIK bagi membincangkan potensi kerjasama yang mampu memperkukuh pendidikan STEM khususnya kepada pelajar di Kelantan.

“Pertemuan ini membuka ruang perbincangan berkaitan potensi kerjasama strategik dalam memperkukuh pendidikan sains, teknologi, kejuruteraan dan matematik khususnya kepada anak-anak

Kelantan.

“Saya percaya pendedahan awal kepada bidang STEM amat penting bagi melahirkan generasi pelajar yang kreatif, berdaya saing dan bersedia mendepani cabaran masa hadapan,” katanya di laman rasmi, semalam.

Beliau berkata, hubungan baik yang terjalin antara Kerajaan Negeri, YIK dan Petrosains diharapkan dapat diterjemahkan menerusi



pelaksanaan program-program pendidikan yang memberi manfaat kepada pelajar, guru serta institusi pendidikan di negeri ini.

Tambahnya, inisiatif tersebut selaras dengan komitmen Kerajaan Negeri untuk memperkasakan pembangunan modal insan melalui pengukuhan pendidikan STEM sebagai persediaan menghadapi keperluan ekonomi dan teknologi pada masa hadapan.

Kes denggi di Kelantan turun 63.5 peratus setakat 20 Jun - Exco Kesihatan

Oleh: Asri Hamat

KOTA DARULNAIM, 28 Jun – Kelantan merekodkan penurunan sebanyak 63.5 peratus kes demam denggi setakat 20 Jun tahun ini apabila sebanyak 319 kes dilaporkan berbanding 875 kes dalam tempoh sama pada 2025.

Demikian kenyataan Exco Kerajaan Tempatan, Perumahan, Kesihatan dan Alam Sekitar YB Hilmi Abdullah menerusi media sosialnya, pada Sabtu.

Katanya, hanya tiga daerah di negeri ini yang mencatatkan bilangan kes tertinggi ialah Kota Bharu dengan 110 kes, diikuti Bachok (52 kes) dan Pasir Mas (37 kes).

“Negeri ini turut merekodkan satu kematian akibat komplikasi demam denggi tahun ini berbanding tiada kematian dalam tempoh sama tahun lalu.

“Walaupun hanya melibatkan satu kes, setiap kematian akibat denggi merupakan satu kehilangan yang amat kita kesali dan perlu dijadikan peringatan kepada semua pihak,” jelasnya.

Sebelum itu, beliau merasmikan Program Gotong-Royong Mega



Perangi Aedes 1.0 Peringkat Negeri Kelantan yang dianjurkan bersama Jabatan Kesihatan Negeri Kelantan, Pejabat Kesihatan Daerah dan Majlis Perbandaran Kota Bharu Bandaraya Islam (MPKB-BRI) di Jalan Sri Cemerlang, Kota Bharu, semalam.

Menurut YB Hilmi lagi, penyakit demam denggi masih merupakan satu cabaran kesihatan awam yang memerlukan perhatian serius.

Beliau memetik statistik, Malaysia mencatatkan sebanyak 33,367 kes denggi sehingga 13 Jun 2026, iaitu peningkatan 20.7 peratus berbanding tempoh sama tahun lalu.

“Jumlah tersebut meletakkan Malaysia di kedudukan ketiga tert-

inggi dalam kalangan negara ASEAN selepas Indonesia yang mencatatkan 39,672 kes dan Vietnam sebanyak 35,986 kes.

“Selain itu, jumlah kematian akibat komplikasi denggi turut menunjukkan peningkatan sebanyak 43.8 peratus, iaitu daripada 16 kematian pada tahun 2025 kepada 23 kematian pada tahun 2026,” ujarnya.

Mengulas mengenai Program Gotong-Royong Mega Perangi Aedes, YB Hilmi berkata, program itu menjadi platform penting untuk meningkatkan kesedaran masyarakat mengenai tanggungjawab bersama dalam menghapuskan tempat pembiakan nyamuk Aedes.

Sehubungan itu, beliau menyeru setiap keluarga meluangkan se-

kurang-kurangnya 10 minit setiap hujung minggu untuk memeriksa kawasan rumah masing-masing bagi memastikan tiada bekas yang berpotensi menjadi tempat pembiakan nyamuk.

“Amalan mudah ini, jika dilakukan secara konsisten, mampu memberikan impak yang besar dalam mengurangkan risiko penularan denggi,” katanya.

Beliau berharap program serupa itu tidak terhad kepada acara berkala semata-mata, sebaliknya dijadikan budaya hidup dalam masyarakat dengan menjadikan kebersihan persekitaran sebagai tanggungjawab bersama demi mewujudkan komuniti yang sihat, selamat dan bebas daripada ancaman penyakit bawaan vektor.



Nafkah asas kesejahteraan keluarga, pengabaianyaancam masa depan ummah - MB Kelantan

Oleh: Irham Hilmi Hashim

KOTA BHARU, 2 Julai — Tanggungjawab menunaikan nafkah merupakan asas pembinaan institusi keluarga yang sejahtera, manakala pengabaianya menjejaskan kebajikan isteri dan anak-anak sekali gus mengancam kesejahteraan masyarakat serta masa depan ummah, kata Menteri Besar Kelantan YAB Dato' Panglima Perang Ustaz Dato' Mohd Nassuruddin Daud.

Beliau berkata, nafkah bukan sekadar tuntutan moral, sebaliknya kewajipan yang ditetapkan syariat Islam dan wajib dipenuhi oleh setiap suami terhadap isteri serta anak-anak. Apabila hak tersebut dipelihara, keharmonian keluarga dapat diperkukuh sekali gus menyumbang kepada kesejahteraan negeri.

"Program seperti ini amat penting untuk memberi kefahaman kepada masyarakat mengenai hak nafkah dan peruntukan undang-undang, di samping menyuburkan kesedaran bahawa setiap hak yang diperintahkan syariat ialah amanah yang wajib ditunaikan dengan penuh tanggungjawab kepada Allah SWT," katanya ketika merasmikan Program Ops Nafkah: Waris Peduli, Keluarga Sejahtera 2026 di Dewan Kompleks Islam Jubli Perak Sultan



Ismail Petra, di sini, hari ini.

Program anjuran Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Kelantan dengan kerjasama Bahagian Sokongan Keluarga (BSK), Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia serta beberapa agensi berkaitan itu menghimpunkan 300 peserta terdiri daripada imam mukim, penghulu, guru bimbingan dan kaunseling, kaunselor berdaftar, golongan armalah serta kakitangan agensi kerajaan.

Menurutnya, penyertaan pelbagai lapisan masyarakat membuktikan isu nafkah bukan lagi urusan peribadi antara suami dan isteri semata-mata, sebaliknya tanggungjawab bersama yang memerlukan sokongan masyarakat bagi memastikan hak wanita dan anak-anak terus terpelihara.

Beliau berkata, cabaran pengabaiannya nafkah masih berlaku khususnya selepas perceraian apabila terdapat bapa yang gagal melaksanakan per-



intah nafkah Mahkamah Syariah, sedangkan kewajipan tersebut turut meliputi anak-anak dan waris yang berhak menerimanya.

"Dalam banyak keadaan, kita melihat ibu tunggal atau armalah terpaksa membesarkan anak-anak bersendirian akibat kegagalan pihak bapa melaksanakan tanggungjawab nafkah. Keadaan ini memberi kesan besar terhadap pendidikan, kesihatan dan emosi anak-anak," jelasnya.

Beliau memaklumkan sehingga Februari 2026, sebanyak 48,858 armalah telah berdaftar di Kelantan, sekali gus menggambarkan keperluan memperkukuh jaringan sokongan keluarga dan masyarakat. Menurutnya, Bahagian Sokongan Keluarga yang beroperasi di negeri ini sejak tahun 2009 memainkan peranan penting membantu golongan yang berdepan kesukaran mendapatkan nafkah seperti diperintahkan Mah-



kamah Syariah.

Katanya lagi, selain menyediakan khidmat nasihat, guaman percuma serta bantuan pendahuluan nafkah kepada pelanggan yang layak, kerajaan negeri turut memperkukuh aspek perundangan melalui Enakmen Keluarga Islam (Negeri Kelantan) 2025 yang memperincikan tanggungjawab individu yang wajib memberi nafkah mengikut hukum syarak.

Pada majlis sama, sebanyak 15 penerima menerima bantuan nafkah yang disalurkan melalui BSK. Menteri Besar turut merakamkan penghargaan kepada Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Kelantan, Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia, Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan serta agensi berkaitan yang terus berganding bahu memperkukuh institusi kekeluargaan dan memelihara kebajikan masyarakat.

Jambatan baharu bernilai RM500,000 tamatkan masalah perhubungan penduduk Kampung Sungai Pas ketika banjir

Oleh: Irham Hilmi Hashim

KUALA KRAI, 28 Jun — Pembinaan jambatan baharu melalui Lembaga Kemajuan Kelantan Selatan (KESEDAR) yang bernilai RM500,000 Kampung Sungai Pas berjaya menamatkan masalah perhubungan yang sekian lama dihadapi penduduk apabila kawasan itu dilanda banjir atau hujan lebat.

Ahli Dewan Negeri (ADN) Mengkebang YB Zubir Abu Bakar berkata, pembinaan kemudahan tersebut membuktikan ketinggian semangat federalisme dalam menyediakan infrastruktur yang memberi manfaat secara langsung kepada rakyat, khususnya penduduk luar bandar.

Menurutnya, sebelum ini pen-



duduk di Kampung Sungai Pas sering berdepan kesukaran akibat terputus hubungan apabila jambatan lama yang uzur dan berkedudukan rendah ditenggelami air setiap kali musim banjir atau apabila hujan lebat di kawasan hulu sungai.

"Alhamdulillah, dengan siapnya jambatan baharu ini, masalah pen-

duduk yang terputus hubungan ketika musim banjir telah dapat diselesaikan.

"Terima kasih kepada kerajaan negeri atas keprihatinan dalam menyediakan kemudahan yang amat diperlukan oleh rakyat di kawasan ini," katanya dalam media sosial, semalam.

Beliau bersyukur kemudahan tersebut memberi manfaat secara langsung kepada sepuluh keluarga yang menetap di seberang sungai dan sebelum ini berdepan kesukaran untuk berulang-alik apabila paras air meningkat.

Menurutnya, selain memudahkan urusan harian penduduk yang tinggal di seberang sungai, jambatan baharu itu turut digunakan oleh kebanyakan penduduk Kampung Sungai Pas sebagai laluan ke kebun masing-masing.

Beliau berharap pembinaan infrastruktur yang lebih kukuh dan selamat itu membolehkan penduduk menggunakan laluan berkenaan dengan lebih selesa dalam jangka masa panjang.

PERAKAN Malaysia sumbang RM10,000 kepada mangsa kebakaran Kampung Gok Kapor

Oleh: Norzana Razaly

KOTA BHARU, 28 Jun — Persatuan Anak Kelantan di Perantauan (PERAKAN) Malaysia menyalurkan sumbangan berjumlah RM10,000 kepada mangsa kebakaran Kampung Gok Kapor hasil kutipan yang digerakkan oleh cawangan persatuan itu di seluruh negara sebagai tanda solidariti dan keprihatinan terhadap keluarga yang terjejas.

Sumbangan tersebut diserahkan oleh Bendahari Agung PERAKAN Malaysia Mohd Zainadi Abdullah kepada Exco Kerajaan Negeri Kelantan merangkap Ahli Dewan Negeri (ADN) Kijang YB Dato' Dr Izani Husin untuk disalurkan kepada mangsa dalam satu majlis



di Pusat Khidmat DUN Kijang, di sini, hari ini.

Mohd Zainadi berkata, kutipan itu digerakkan sejurus selepas tragedi kebakaran berlaku hasil sokongan cawangan-cawangan PERAKAN Malaysia di seluruh negara.

"Kutipan ini mencerminkan se-

mangat kebersamaan warga PERAKAN Malaysia dalam membantu mereka yang ditimpa musibah.

"Kami berharap sumbangan ini dapat meringankan sedikit beban mangsa serta menjadi tanda bahawa mereka tidak bersendirian dalam menghadapi ujian ini," katanya.

Menurutnya, PERAKAN Malaysia akan terus menyokong usaha kebajikan yang memberi manfaat kepada masyarakat, khususnya ketika berlaku bencana atau musibah.

Majlis penyerahan sumbangan itu turut disaksikan Pengarah Urus setia Penerangan dan Komunikasi Negeri Kelantan (UPKN) Razuan Awang Hamad.

Dato' Dr Izani berbesar hati menerima sumbangan tersebut dan menyifatkan kecaknaan itu mencerminkan semangat kebersamaan dan keprihatinan warga PERAKAN Malaysia dalam membantu meringankan beban mangsa kebakaran, sekali gus memperkuat budaya saling membantu ketika berdepan musibah.

Peranan wanita signifikan, HSK perkasakan lebih 200 peserta di DUN Kemuning - YB Zakhran

Oleh: Irham Hilmi Hashim

MACHANG, 29 Jun – Ahli Dewan Negeri (ADN) Kemuning YB Ahmad Zakhran Mat Noor memperakui peranan wanita yang amat signifikan dalam membentuk institusi keluarga yang cemerlang, sekali gus menjadi asas kepada pembinaan masyarakat yang harmoni dan negeri yang sejahtera.

Menurutnya, sebagai menghargai sumbangan golongan tersebut, Kerajaan Negeri melalui Urus setia Kebajikan, Pembangunan Wanita dan Keluarga (U-KeKWA) menganjurkan Hari Sayyidatina Khadijah (HSK) di setiap DUN di seluruh Kelantan.

"Wanita mempunyai peranan yang sangat penting dalam membentuk institusi keluarga yang cemerlang. Daripada institusi keluarga yang kukuh akan lahir masyarakat yang harmoni dan seterusnya menyumbang kepada pembinaan sebuah negeri yang sejahtera.

"Atas dasar itu, Kerajaan Negeri melalui U-KeKWa menganjurkan Hari Sayyidatina Khadijah di kesemua DUN di negeri Kelantan sebagai tanda penghargaan terhadap jasa dan sumbangan golongan wanita," katanya dalam ucapan perasmian pada Program Hari



Sayyidatina Khadijah Peringkat DUN Kemuning 2026 di Dewan Tok Kemuning, Machang, pada 27 Jun.

Beliau berkata, program tersebut berjaya menghimpunkan lebih 200 peserta yang terdiri daripada masyarakat setempat dalam suasana yang penuh semangat dan penghayatan terhadap peranan wanita dalam pembangunan ummah.

Menurutnya, sambutan yang memberangsangkan itu mencerminkan komitmen masyarakat dalam menyokong usaha Kerajaan

Negeri memperkasa wanita melalui pelbagai program pembangunan keluarga, kesihatan dan keusahawanan.

Program tersebut dimulakan dengan Aktiviti Senam Sihat "KELFIT" yang menggalakkan amalan gaya hidup sihat dalam kalangan peserta, diikuti ceramah Daurah Wanita yang memberi penekanan terhadap pembangunan diri serta peranan wanita dalam institusi keluarga dan masyarakat.

Turut diadakan ialah penyampaian Anugerah Tokoh Usahawan



Wanita DUN Kemuning sebagai pengiktirafan kepada wanita yang berjaya mencipta kecemerlangan dalam bidang keusahawanan serta menjadi inspirasi kepada masyarakat.

Beliau berharap program serupa itu akan terus menjadi wadah memperkuat pembangunan wanita di negeri ini, di samping memberi manfaat kepada seluruh peserta melalui perkongsian ilmu, aktiviti kesihatan dan penghargaan terhadap sumbangan wanita dalam pelbagai bidang.

Padang awam Kuala Nal bernilai RM300,000 dibina bermula Ogos depan

Oleh: Irham Hilmi Hashim

KUALA KRAI, 28 Jun – Hasrat penduduk di Kampung Baru Kuala Nal untuk memiliki sebuah padang awam bakal menjadi kenyataan apabila projek pembinaannya yang melibatkan kos kira-kira RM300,000 dijadualkan bermula pada Ogos ini.

Ahli Dewan Negeri (ADN) Mengkebang YB Zubir Abu Bakar berkata, pembinaan kemudahan sukan itu merupakan antara komitmen yang ditawarkan beliau kepada rakyat semasa pilihan raya lalu dan kini berada pada fasa pelaksanaan.

Menurutnya, projek berkenaan dijangka mengambil masa kira-kira dua bulan untuk disiapkan sebelum



dapat dimanfaatkan oleh masyarakat setempat sebagai pusat aktiviti riadah dan sukan.

“Pembinaan padang awam ini merupakan salah satu sasaran yang saya tawarkan kepada rakyat semasa pilihan raya lalu. Alhamdulillah, projek ini kini menuju ke fasa pelaksanaan.

“Semoga segala urusan pembinaan berjalan lancar dan kemuda-

han ini dapat dimanfaatkan sepenuhnya oleh rakyat bagi mengisi masa lapang dengan aktiviti yang berfaedah,” katanya menerusi media sosial, hari ini.

Terdahulu, YB Zubir diiringi Pengarah Belia dan Sukan Negeri Kelantan Saifuddin Zakaria

meninjau tapak pembinaan Padang Awam Kampung Baru Kuala Nal bersama beberapa wakil agensi

berkaitan bagi melihat persiapan awal sebelum kerja-kerja pembinaan dimulakan.

YB Zubir berharap pembinaan padang awam itu akan menjadi pemangkin kepada pembangunan komuniti di Kampung Baru Kuala Nal serta menyediakan kemudahan rekreasi yang selesa dan berkualiti untuk dinikmati penduduk setempat bagi tempoh jangka panjang.

DarusSalam latih perawat Islam secara sistematik, lestarikan ilmu ruqyah



Oleh: Irham Hilmi Hashim

KOTA BHARU, 30 Jun — Persatuan Perubatan Islam DarusSalam Malaysia (DarusSalam) terus memperkukuh usaha melatih perawat Islam secara sistematik bagi memastikan kesinambungan ilmu ruqyah dan rawatan Islam berlandaskan syariat terus lestari, sekali gus memenuhi keperluan masyarakat terhadap perkhidmatan perubatan Islam yang sah, beretika dan diiktiraf.

Exco Kerajaan Tempatan, Perumahan, Kesihatan dan Alam Sekitar YB Hilmi Abdullah berkata, pendekatan latihan berstruktur yang dilaksanakan DarusSalam menjadi asas penting dalam melahirkan lebih ramai perawat Islam yang berkecualan serta memelihara standard amalan perubatan Islam di negara ini.

Beliau berkata demikian selepas menerima kunjungan hormat del-

egasi DarusSalam Kelantan yang diketuai Ketua Perawat Muhammad Zuhdi bersama Penasihat, Ibrahim Saad dan Setiausaha, Azhar Jaapar di pejabatnya di Kota Darulnaim, semalam.

Menurutnya, Kursus Perubatan Islam DarusSalam Siri Ke-5 yang dilaksanakan secara bermodul merangkumi pembelajaran teori, latihan praktikal rawatan rohani, sesi tasmik dan diakhiri dengan penganugerahan Ijazah Perubatan Islam DarusSalam kepada peserta yang berjaya menamatkan latihan.

“Pelatih yang berjaya diijazahkan akan layak memohon Sijil Amalan Rawatan daripada Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Kelantan (JHEAIK), sekali gus memenuhi keperluan amalan perubatan Islam yang diiktiraf,” katanya menerusi media sosial.

Dalam pertemuan tersebut, Muhammad Zuhdi turut menyampa-

kan Sijil Ijazah Rawatan DarusSalam kepada YB Hilmi yang merupakan pelatih Generasi Pertama DarusSalam Kelantan.

Beliau berkata, sehingga tahun 2025, DarusSalam Kelantan telah berjaya melahirkan empat generasi perawat yang menjadi antara pemangkin perkembangan perubatan Islam di negeri ini.

Menurutnya, DarusSalam yang ditubuhkan pada tahun 2003 berperanan memelihara kesinambungan ilmu perubatan Islam berasaskan ruqyah syariah dan rawatan rohani yang diasaskan Allahyarham Dato’ Ismail Kamus agar terus berkembang serta dimanfaatkan masyarakat.

Tambahnya, Allahyarham Dato’ Ismail Kamus merupakan tokoh yang banyak berjasa dalam bidang dakwah dan perubatan Islam, selain pernah menganggotai panel pengubal Garis Panduan Amalan Pengubatan Islam di bawah Bahagian Perubatan Tradisional dan Komplementari, Kementerian Kesihatan Malaysia.

“Sejak tahun 2019, pengamal perubatan Islam di Malaysia disyaratkan memiliki sijil dan lesen amalan yang dikeluarkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia. Justeru, latihan yang tersusun dan bertauliah menjadi semakin penting bagi memastikan amalan rawatan

mematuhi piawaian serta kehendak syariat,” katanya.

Dalam perkembangan sama, beliau memaklumkan, DarusSalam Kelantan turut mencatat satu lagi pencapaian apabila berjaya membina bangunan sendiri pada pertengahan tahun 2025 bagi menempatkan Klinik DarusSalam di Lot PT 141, Kampung Lubuk Pukol, Banggu, Kota Bharu.

Katanya lagi, kemudahan itu dijangka memudahkan masyarakat mendapatkan rawatan rohani yang berlandaskan syariat Islam, di samping menyokong usaha melahirkan lebih ramai perawat Islam yang berkecualan.

Beliau berharap program latihan yang dilaksanakan secara berterusan akan melahirkan lebih ramai perawat Islam berintegriti yang mampu membantu masyarakat menangani gangguan rohani serta membanteras amalan khurafat melalui pendekatan yang menepati syariat Islam.

JADUAL RAWATAN

HARI / MASA

SABTU HINGGA KHAMIS

🕒 2.30 PTG - 5.30 PTG

🕒 9.00 MLM - 11.00 MLM

HARI / MASA

JUMAAT

🕒 CUTI

📍 ALAMAT :
LOT PT 141, LUBOK PUKOL, BANGGU,
KOTA BHARU KELANTAN

📞 HUBUNGI KAMI :

📞 UST MAD (KP) : 013-9844498

📞 UST AZANI : 013-9565736

📞 UST ISMAIL : 013-7788595

Bekalan air di Mengkebang diganti paip, bina telaga jejari baharu - YB Zubir

Oleh: Irham Hilmi Hashim

KUALA KRAI, 28 Jun – Usaha menambah baik sistem bekalan air di Mengkebang terus dilaksanakan menerusi penggantian paip lama di Kampung Slow Bedal serta kelulusan pembinaan sebuah telaga jejari (tubewell) baharu di Kuala Nal bagi memberi manfaat kepada penduduk yang telah lama berdepan masalah bekalan air bersih.

Ahli Dewan Negeri (ADN) Mengkebang, YB Zubir Abu Bakar berkata, tindakan pantas Air Kelantan Sdn. Bhd. (AKSB) menghantar paip baharu bagi menggantikan paip lama di Kampung Slow Bedal merupakan langkah positif dalam usaha menyelesaikan masalah bekalan air yang dihadapi penduduk.

Menurutnya, penggantian paip tersebut diharap dapat mengatasi gangguan bekalan air yang telah



sekian lama membelenggu penduduk di kampung berkenaan.

“Saya mengucapkan jutaan terima kasih kepada AKSB atas tindakan pantas menghantar paip baharu bagi menggantikan paip lama di Kampung Slow Bedal.

“Semoga usaha ini dapat menyelesaikan masalah bekalan air yang dihadapi penduduk di kampung tersebut,” katanya dalam mediana, semalam.

Dalam perkembangan ber-

kaitan, Zubir berkata, kerajaan negeri turut meluluskan pembinaan sebuah telaga jejari (tubewell) baharu di Kuala Nal sebagai langkah memperkukuh sistem bekalan air di kawasan berkenaan.

Menurutnya, pembinaan telaga jejari itu akan memberi manfaat kepada penduduk Bedal dan Bukit Sireh yang telah lama berdepan masalah mendapatkan bekalan air bersih.

Beliau memaklumkan, pelaksa-

naan penggantian paip dan pembinaan telaga jejari merupakan dua langkah penting yang saling melengkapi dalam usaha meningkatkan sistem bekalan air demi kesejahteraan penduduk.

Beliau berharap semua inisiatif yang sedang dilaksanakan itu dapat memberi penyelesaian yang berkesan terhadap isu bekalan air, sekali gus membolehkan penduduk menikmati kemudahan asas yang lebih baik pada masa hadapan.

Bengkel pemerckasaan belia, NGO selaras gerak kerja Julai hingga Disember 2026



Oleh: Irham Hilmi Hashim

KOTA BHARU, 30 Jun — Bengkel Pemerckasaan Belia/Beliawanis dan NGO 2026 menjadi platform penting menyelaraskan strategi gerak kerja pembangunan belia dan organisasi bukan kerajaan (NGO) bagi tempoh Julai hingga Disember tahun ini, sekali gus memastikan pelaksanaan program lebih tersusun, berkesan dan berimpak kepada rakyat.

Exco Belia, Sukan, NGO dan Perpaduan Masyarakat YB Zamakhshari Muhammad berkata, bengkel itu diadakan bagi menilai pencapaian program yang telah dilaksanakan di samping merangka pelan tindakan yang lebih strategik untuk baki tahun 2026.

Penyelarasan tersebut penting bagi memastikan setiap inisiatif di

bawah portfolio berkenaan dapat dilaksanakan secara sistematik, memenuhi sasaran serta memberi manfaat optimum kepada golongan belia, beliawanis dan NGO di negeri ini.

Beliau berkata demikian melalui media rasmi selepas Bengkel Pemerckasaan Belia/Beliawanis dan NGO di bawah Portfolio Exco Belia, Sukan, NGO dan Perpaduan Masyarakat Negeri Kelantan 2026 yang berlangsung di Hotel Ibis, di sini, semalam.

Menurutnya, antara fokus utama bengkel ialah meneliti laporan pelaksanaan program yang telah disempurnakan sebagai asas menilai keberkesanan, mengenal pasti kekuatan serta menambah baik kelemahan dalam pelaksanaan.

Pada masa sama, peserta turut memperincikan perancangan program yang akan dilaksanakan sepanjang tempoh Julai hingga Disember bagi memastikan setiap aktiviti memberi impak lebih besar kepada pembangunan belia, beliawanis dan NGO.

Selain itu, bengkel tersebut turut memberi penekanan terhadap penyelarasan prosedur kewangan

dan tadbir urus agensi bagi memastikan setiap peruntukan diurus secara cekap, telus, berintegriti dan mematuhi prinsip tadbir urus yang baik.

“Pengurusan yang sistematik meningkatkan keberkesanan pelaksanaan program dan memperkukuh keyakinan semua pihak terhadap pengurusan portfolio ini,” jelasnya.

Bengkel berkenaan menghimpunkan penggerak utama di bawah portfolio Exco antaranya Konfederasi NGO Kelantan (KNK), Urus Setia Belia dan Sukan (UBES), Pusat Integrasi Antara Kaum (PEKA), Kelantan Future Leaders Institute (KFLI) serta sayap Beliawanis.

Tambahnya, penglibatan semua agensi dan organisasi berkaitan membolehkan penyelarasan

an gerak kerja dilaksanakan secara menyeluruh, sekali gus memperkukuh sinergi strategik dalam menjayakan agenda pembangunan belia, NGO dan perpaduan masyarakat di Kelantan.

Sehubungan itu, beliau berharap pelan tindakan yang dirangka menerusi bengkel tersebut menjadi pemangkin kepada pelaksanaan program yang lebih berfokus, berimpak tinggi dan memenuhi aspirasi pembangunan belia negeri bagi separuh kedua tahun 2026.

Beliau turut menegaskan komitmen portfolio yang diterajuinya untuk terus memperkasakan pembangunan belia, memperkukuh peranan NGO serta memupuk semangat perpaduan masyarakat melalui pelaksanaan program yang inklusif, tersusun dan mampan.



130 anak yatim, OKU DUN Kijang terima sumbangan kerajaan negeri



Oleh: Irham Hilmi Hashim

PENGKALAN CHEPA, 29 Jun — Sebanyak 130 penerima terdiri daripada 100 anak yatim dan 30 orang kurang upaya (OKU) menerima sumbangan Kerajaan Negeri Kelantan menerusi Program Him-punan OKU dan Anak Yatim DUN Kijang sebagai manifestasi kepri-hatian kerajaan terhadap kebajik-an golongan yang memerlukan.

Ahli Dewan Negeri (ADN) Kijang yang juga Exco Kerja Raya, Infrastruktur, Air dan Pembangu-nan Luar Bandar YB Dato' Izani Husin berkata, sumbangan tersebut mencerminkan komitmen berteru-san kerajaan negeri dalam memas-tikan kebajikan anak yatim dan golongan OKU sentiasa diberi per-hatian serta disantuni.

Beliau berkata demikian selepas

menyampaikan sumbangan kepada para penerima pada Program Him-punan OKU dan Anak Yatim DUN Kijang yang berlangsung di Pu-sat Khidmat DUN Kijang, di sini, semalam.

Menurutnya, setiap manusia diuji dengan cabaran kehidupan yang berbeza dan setiap ujian yang ditentukan Allah SWT pasti mengandungi hikmah yang besar.

“Ketika melihat wajah-wajah anak-anak yatim dan saudara-sau-dara OKU di hadapan saya, hati ini cukup tersentuh.

Masing-masing diuji dengan kisah dan perjalanan hidup yang berbeza, namun saya percaya seti-ap ujian yang Allah berikan pasti tersimpan hikmah yang besar di se-balikinya,” katanya menerusi media sosial rasmi, hari ini.

Beliau turut berpesan agar anak-anak yatim dan golongan OKU sen-tiasa memelihara hubungan dengan Allah SWT dengan menjaga solat serta menjadikan al-Quran sebagai panduan dan sumber kekuatan da-lam menempuh kehidupan.

“Jangan sesekali meninggalkan solat walau dalam apa jua keadaan. Jangan tinggalkan al-Quran kerana itulah sahabat yang akan sentiasa menemani dan memberi kekuatan ketika hati sedang diuji,” ujarinya.

Kebun markisa di Guchil bukti tanah terbiar mampu jana pendapatan



Oleh: Asri Hamat

KOTA DARULNAIM, 30 Jun - Kejayaan kebun markisa seluas satu ekar di Guchil, Kuala Krai yang mampu menghasilkan antara empat hingga lima tan buah menjadi bukti tanah terbiar boleh diban-gunkan sebagai kawasan pertanian produktif.

Demikian kenyataan Exco Per-

tanian, Industri Agromakanan dan Komoditi YB Dato' Tuan Mohd Saripudin Tuan Ismail menerusi media sosial, pada Isnin.

Katanya, kebun berkenaan turut berjaya menembusi pasaran luar negeri, sekali gus membuktikan permintaan terhadap markisa berkualiti terus meningkat.

“Ini membuktikan permintaan

terhadap markisa berkualiti san-gat tinggi dan membuka peluang ekonomi yang besar kepada para pengusaha. Saya berharap lebih banyak tanah terbiar dapat diban-gunkan dengan tanaman bernilai tinggi seperti markisa demi men-ingkatkan pendapatan petani, memperkukuh sekuriti makanan dan terus memacu pembangunan

sektor pertanian Negeri Kelantan,” ujarinya.

Terdahulu, beliau mengadakan lawatan ke kebun markisa seluas 20 ekar yang diusahakan Kanda Fadhil dan Along di Taman Orkid, Kampung Gatal, Guchil bersama Ahli Dewan Negeri (ADN) Guchil YB Hilmi Abdullah.

Sementara itu, YB Hilmi yang juga Exco Kerajaan Negeri Kelantan berkata, pokok markisa mudah ditanam dan dijaga serta mula mengeluarkan hasil dalam tempoh enam hingga lapan bulan selepas ditanam.

Jelasnya, tanaman itu mampu berbuah secara produktif selama kira-kira dua tahun, sekali gus menjadikannya tanaman kontan yang memberi pulangan lebih cepat berbanding kebanyakan tana-man buah lain.

“Markisa yang masak boleh dimakan segar, dijadikan jus, smoothie dan kordial. Buah ini juga digunakan dalam penghasilan aiskrim, yogurt, kek dan pencuci mulut, selain diproses menjadi jem dan puri serta digunakan dalam industri makanan kesihatan dan kosmetik,” katanya dalam media sosial, pada Isnin.

20 pelajar cemerlang SPM, 18 keluarga Tionghua berpendapatan rendah terima sumbangan kerajaan negeri

Oleh: Irham Hilmi Hashim

MACHANG, 30 Jun — Sebanyak 20 pelajar cemerlang Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) 2025 dan 18 keluarga daripada masyarakat Tionghua berpendapatan rendah menerima sumbangan Kerajaan Negeri Kelantan dalam satu majlis di Dewan Tok Kemuning, di sini, sebagai manifestasi komitmen kerajaan negeri memperkasa pendidikan dan kebajikan rakyat tanpa mengira kaum.

Ahli Dewan Negeri (ADN) Kemuning YB Ahmad Zakhran Mat Noor berkata, inisiatif itu membuktikan keprihatinan Kerajaan Negeri dalam mengiktiraf kecemerlangan akademik di samping memastikan bantuan kebajikan terus disalurkan kepada golongan yang memerlukan.

Beliau berkata demikian kepada media selepas menyempurnakan Majlis Penyampaian Sumbangan Kecemerlangan SPM 2025 dan Sumbangan Al-It'am Kerajaan Negeri Kelantan di Dewan Tok Ke-



muning, Machang pada 26 Jun. Menurutnya, 20 pelajar yang memperoleh keputusan antara 5A hingga 8A menerima sumbangan sebagai penghargaan atas kecemerlangan mereka dalam peperiksaan SPM 2025. “Bagi pelajar yang memperoleh keputusan 9A dan ke atas, sumbangan disalurkan secara terus oleh Kerajaan Negeri Kelantan melalui permohonan yang dibuat secara dalam talian. Pendekatan ini membolehkan penghargaan kepada pelajar cemerlang disalurkan secara lebih tersusun mengikut kat-

egori pencapaian masing-masing,” jelasnya menerusi laman sosial, pada Sabtu. Dalam majlis sama, beliau turut menyampaikan Sumbangan Al-It'am Kerajaan Negeri Kelantan kepada 18 penerima daripada komuniti Tionghua berpendapatan rendah sebagai usaha membantu meringankan kos sara hidup mereka. Menurutnya, bantuan tersebut mencerminkan pendekatan kerajaan negeri yang sentiasa mengutamakan kebajikan rakyat tanpa mengira latar belakang kaum atau



agama. Beliau berharap semua penerima dapat memanfaatkan sumbangan yang diberikan sama ada sebagai dorongan untuk terus mencapai kecemerlangan dalam pendidikan mahupun membantu memenuhi keperluan harian keluarga. “Kerajaan Negeri akan terus komited melaksanakan pelbagai inisiatif yang memberi manfaat kepada rakyat melalui pendekatan menyeluruh yang merangkumi aspek pendidikan, kebajikan dan kesejahteraan masyarakat,” katanya.

Kantin SRITI Tahfiz Al-Khalifah Machang raih gred A penilaian kebersihan premis makanan



Oleh: Irham Hilmi Hashim

MACHANG, 30 Jun – Kantin SRITI Tahfiz Al-Khalifah Machang mencatat kejayaan membanggakan apabila memperoleh Gred A dalam Penilaian Kebersihan Premis Makanan yang dilaksanakan oleh Unit Keselamatan dan Kualiti Makanan (UKKM), Kementerian Kesihatan Malaysia menerusi Pejabat Kesihatan Daerah Machang.

Pengerusi Ahli Lembaga Pengu-

rusan (ALP) SRITI Tahfiz Al-Khalifah Machang Mohd Musaddiq Mat berkata, pengiktirafan tersebut membuktikan komitmen seluruh warga sekolah dalam memastikan aspek kebersihan, keselamatan makanan serta pengurusan kantin sentiasa mematuhi piawaian yang ditetapkan. Katanya, usaha berterusan itu penting bagi menjamin murid menikmati makanan yang bersih, selamat dan berkualiti dalam perse-

kitan sekolah yang kondusif. “Pencapaian ini mencerminkan kesungguhan semua pihak yang terlibat dalam mengamalkan budaya kebersihan serta memastikan pengurusan kantin berada pada tahap terbaik,” katanya ketika dihubungi, hari ini. Sebagai menghargai komitmen warga kantin, Ahli Lembaga Pengurusan (ALP) SRITI Tahfiz Al-Khalifah Machang telah menyampaikan Sumbangan Kecemer-



langan Operasi Unit Kantin sebagai pengiktirafan terhadap dedikasi mereka dalam mengekalkan standard pengurusan yang cemerlang. Tambahnya, sumbangan tersebut diharapkan menjadi pemangkin kepada warga kantin untuk terus mengekalkan prestasi yang membanggakan pada masa hadapan. Dalam pada itu, beliau menegaskan bahawa Gred A yang diterima menjadi bukti kesungguhan pihak sekolah dalam membudayakan amalan kebersihan, keselamatan makanan dan pematuhan terhadap standard kesihatan yang ditetapkan. Beliau berharap pencapaian tersebut akan menjadi pemangkin kepada usaha berterusan dalam mewujudkan persekitaran sekolah yang bersih, sihat dan kondusif, sekali gus menyokong pembangunan sahsiah serta kesejahteraan murid di sekolah tersebut.

Pembukaan Mydin Mart Pasir Puteh: Sektor peruncitan berkembang, luaskan pilihan pengguna - YB Nor Asilah

Oleh: Irham Hilmi Hashim

PASIR PUTEH, 30 Jun — Pembukaan rasmi Mydin Mart Pasir Puteh mencerminkan perkembangan positif sektor peruncitan di daerah ini, sekali gus memperluas pilihan pengguna serta merancakkan pertumbuhan ekonomi komuniti setempat.

Timbalan Pengerusi Jawatankuasa Kebajikan, Pembangunan Keluarga dan Wanita merangkap Ahli Dewan Negeri (ADN) Limbongan YB Nor Asilah Mohamed Zin berkata, kehadiran pasar raya tersebut membuktikan keyakinan pelabur terhadap potensi pembangunan Pasir Puteh di samping menyediakan kemudahan membeli-belah yang lebih selesa dan mudah diakses oleh masyarakat.

Menurutnya lagi, pembukaan



Mydin Mart menambah pilihan kepada pengguna dan menjadi pemangkin kepada pertumbuhan ekonomi tempatan melalui penyediaan peluang perniagaan dan peningkatan aktiviti perdagangan.

“Pembukaan Mydin Mart ini menjadi simbol kemudahan, ke-selesaian dan sokongan kepada

perkembangan ekonomi setempat. Kehadirannya turut memberi nilai tambah kepada masyarakat dengan menyediakan pelbagai keperluan harian di bawah satu bumbung,” katanya ketika merasmikan Majlis Pembukaan Rasmi (BUKODH) Mydin Mart Pasir Puteh pada 25 Jun.



YB Nor Asilah berharap Mydin Mart Pasir Puteh akan terus menjadi destinasi pilihan masyarakat, di samping menyumbang kepada pembangunan ekonomi jajahan secara mampan.

Turut hadir, Pengarah Eksekutif Mydin Mohamed Holdings Berhad Ahimmat Mydin.

PKD Bunut Payong raih empat bintang, antara 12 terbaik di Kelantan



Oleh: Irham Hilmi Hashim

KOTA BHARU, 2 Julai — Pusat Khidmat Dewan Negeri (PKD) Bunut Payong meraih penarafan empat bintang dan tersenarai antara 12 PKD berprestasi terbaik daripada 45 PKD di seluruh Kelantan hasil penilaian prestasi yang dilaksanakan oleh Unit Pemantauan dan Pelaksanaan Strategik Pejabat Menteri Besar Kelantan (SPARK) dengan kerjasama Pusat Kajian Strategik Kelantan (PKS).

Sehubungan itu, Ahli Dewan Negeri (ADN) Bunut Payong YB Shaari Mat Yaman berkata, PKD

Bunut Payong memperoleh markah keseluruhan 82.90 peratus sekali gus melayakkannya menerima penarafan tersebut.

Beliau memaklumkan perkara itu menerusi media sosial selepas mempengerusikan Mesyuarat Majlis Tindakan DUN Bunut Payong pada 29 Jun.

“Tahap penarafan tertinggi ialah lima bintang namun tiada mana-mana PKD yang berjaya mencapainya pada penilaian kali ini.

“Alhamdulillah, PKD Bunut Payong memperoleh 82.90 peratus dan tersenarai dalam kelompok PKD berprestasi terbaik di Kelan-

tan,” jelasnya.

Beliau turut merakamkan penghargaan kepada seluruh warga PKD, agensi berkaitan serta masyarakat yang sentiasa memberikan sokongan sehingga kejayaan itu dapat direalisasikan.

“Pencapaian ini menjadi pemangkin kepada PKD Bunut Payong untuk terus meningkatkan mutu penyampaian perkhidmatan serta memperkukuh peranannya sebagai pusat khidmat yang responsif, cekap dan dekat dengan masyarakat,” ujarnya.

Dalam perkembangan lain, beliau berhasrat penubuhkan sebuah kelab motosikal belia di Bunut Payong dapat direalisasikan dalam masa terdekat sebagai platform menghimpunkan golongan belia yang meminati aktiviti sukan permotoran.

Beliau turut menggalakkan setiap mukim di Bunut Payong mewujudkan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) bagi memperkasa aktiviti kemasyarakatan serta mengeratkan hubungan dalam kalangan penduduk setempat.



Kelantan jadikan pendidikan agenda utama pembangunan negeri

Oleh: Asri Hamat

KOTA DARULNAIM, 29 Jun - Kerajaan Negeri Kelantan terus meletakkan sektor pendidikan sebagai agenda utama dalam pembangunan negeri kerana pembangunan sesebuah negeri bukan hanya bergantung kepada aspek fizikal, sebaliknya perlu didukung oleh pembangunan insan.

Pengarah Yayasan Islam Kelantan (YIK) Shamsul Abu Bakar berkata, kerajaan negeri sentiasa memberi perhatian serius terhadap usaha memperkasakan pendidikan rakyat kerana pelaburan dalam bidang itu adalah pelaburan yang paling menguntungkan dan manfaatnya akan diwarisi oleh generasi akan datang.

“Sesungguhnya pembangunan sesebuah negeri tidak hanya bergantung kepada pembangunan fizikal semata-mata tetapi lebih utama ialah pembangunan insan.

“Kita percaya bahawa pelaburan dalam bidang pendidikan merupakan pelaburan yang paling menguntungkan kerana hasilnya bukan sahaja dinikmati pada hari ini bahkan akan diwarisi oleh generasi yang akan datang.”

Beliau berkata demikian ketika berucap pada Majlis Penyampaian Anugerah Kecemerlangan Peper-



iksaan Tahun 2025 di Dewan Tok Guru Bentara Setia, Kompleks Kota Darulnaim semalam.

Pada majlis itu, sebanyak 1,494 pelajar cemerlang diraikan sebagai tanda penghargaan dan pengiktirafan terhadap pencapaian mereka dalam peperiksaan.

Beliau berkata, jumlah itu bukan sekadar statistik, sebaliknya melambangkan kisah perjuangan, pengorbanan, disiplin dan doa yang akhirnya diterjemahkan kepada kejayaan.

“Ia juga menjadi bukti bahawa anak Kelantan mempunyai potensi besar untuk terus mencipta kecemerlangan dalam pelbagai bidang.

“Bagi pihak Kerajaan Negeri Kelantan, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi tahniah dan syabas kepada semua penerima anugerah pada hari ini,” katanya.

Dalam pada itu, beliau turut merakamkan penghargaan kepada seluruh warga pendidik yang disifatkan bukan sekadar menyampaikan ilmu, malah membentuk karakter, memupuk nilai dan menyalakan obor harapan dalam diri anak bangsa.

Beliau turut menghargai pengorbanan ibu bapa yang sentiasa mendoakan serta memberi sokongan kepada anak-anak sehingga berjaya.

Pada masa sama, beliau mengingatkan pelajar supaya tidak menjadikan kejayaan dalam peperiksaan sebagai penamat, sebaliknya sebagai permulaan kepada perjalanan menuntut ilmu yang lebih luas.

Katanya, dunia masa depan memerlukan generasi yang bukan sahaja cemerlang dalam akademik, malah memiliki kemahiran, daya

fikir, keberanian mencuba serta nilai kemanusiaan yang tinggi.

Beliau berkata, keputusan peperiksaan juga bukan satu-satunya ukuran kejayaan kerana nilai sebenar seseorang insan terletak pada akhlak, integriti, adab serta sejauh mana ilmu dimanfaatkan untuk kebaikan masyarakat.

“Kelantan memerlukan generasi yang bukan sahaja cemerlang dalam bidang akademik tetapi juga memiliki jiwa yang besar, akhlak yang terpuji serta semangat untuk berkhidmat kepada agama dan tanah air.

“Kita tidak mahu melahirkan generasi yang hanya berjaya memperoleh keputusan yang baik tetapi gagal menjadi manusia yang baik. Sebaliknya kita mahu melahirkan generasi Rabbani yang tinggi ilmunya, kukuh iman dan mulia akhlaknya,” jelasnya



MB Kelantan zahir takziah atas pemergian Maulana Sayyid Salman al-Husayni an-Nadwi



Oleh: Asri Hamat

KOTA DARULNAIM, 29 Jun - Menteri Besar Kelantan, YAB Dato' Panglima Perang Ustaz Dato' Mohd Nassuruddin Daud menzahirkan ucapan takziah atas pemergian tokoh ulama dunia Islam, Fadhilatul 'Allamah al-Muhaddith al-Mubajjal ar-Rabbani al-Mutabahir, Maula-

na Sayyid Salman al-Husayni an-Nadwi yang disifatkan sebagai kehilangan besar kepada umat Islam sejagat.

Dalam kenyataannya, berita pemergian Allahyarham diterima dengan penuh rasa dukacita dan kesedihan.

Beliau berkata, bagi pihak Ker-

ajaan Negeri Kelantan Darul Naim serta seluruh rakyat negeri ini, ucapan takziah dizahirkan kepada ahli keluarga Allahyarham, para murid, pencinta ilmu serta seluruh warga ilmunan di dunia Islam.

Menurutnya, Allahyarham merupakan seorang tokoh ulama yang mengabdikan seluruh kehidupannya untuk berkhidmat kepada agama Islam melalui penyebaran ilmu, dakwah serta penghasilan pelbagai karya ilmiah yang menyumbang kepada pembangunan intelektual ummah.

Jelasnya, jasa dan sumbangan Allahyarham dalam bidang keilmuan serta dakwah telah meninggalkan legasi yang besar dan terus menjadi rujukan kepada umat Islam di seluruh dunia.

“Semoga segala amal soleh dan jasa bakti beliau diterima Allah SWT sebagai pemberat timbangan kebbaikannya,” katanya menerusi laman sosial, hari ini.

Beliau menyeru umat Islam mendoakan agar Allah SWT mencurahkan rahmat ke atas Allahyarham, mengampunkan segala dosanya, mengangkat darjatnya serta menempatkannya dalam syurga yang luas sebagai ganjaran atas khidmat dan pengorbanan beliau terhadap agama.

Selain itu, beliau mendoakan agar Allah SWT mengurniakan kesabaran, ketabahan dan ketenangan kepada seluruh ahli keluarga, kaum kerabat serta para murid yang ditinggalkan dalam menghadapi ujian tersebut.

Jalan Sungai Peria-Temalir mula dibaik pulih, mudahkan laluan alternatif Gua Musang-Kuala Krai

Oleh: Norzana Razaly

KUALA KRAI, 29 Jun - Kerja-kerja membaiki pulih semula dan penurapan D225 Jalan Sungai Peria-Temalir dengan anggaran kos sekitar RM1 juta telah mula dilaksanakan bagi mempertingkatkan keselesaan pengguna serta memperkukuh fungsi laluan alternatif yang menghubungkan Gua Musang - Kuala Krai.

Ahli Parlimen Kuala Krai YB Abdul Latiff Abdul Rahman berkata, projek itu melibatkan kerja-kerja membaiki pulih semula jalan dan penurapan premix yang mula memasuki tapak pada 16 Jun lalu.

“Laluan Sungai Peria-Temalir merupakan antara jalan alternatif penting kepada pengguna yang berulang-alik antara Gua Musang dan Kuala Krai.



“Insya Allah, sama-sama kita doakan agar kerja-kerja membaiki pulih jalan alternatif ini berjalan lancar mengikut jadual dengan pemantauan rapi pihak JKR supaya dapat disiapkan mengikut tempoh yang telah ditetapkan tanpa sebarang kelewatan demi kemudahan serta kesejahteraan penduduk setempat,” katanya ketika dihubungi, hari ini.

Tambahnya, kerja naik taraf itu melibatkan beberapa lokasi yang

mengalami kerosakan teruk dengan panjang keseluruhan kira-kira 1 kilometer.

Sehubungan itu, Ahli Dewan Negeri (ADN) Manek Urai YB Mohd Fauzi Abdullah mengucapkan terima kasih atas pelaksanaan projek berkenaan.

“Kita bersyukur dan berterima kasih atas pelaksanaan projek ini. Kita jangka projek ini dapat meningkatkan tahap keselamatan dan keselesaan pengguna jalan raya dan

melancarkan pergerakan penduduk setempat serta aktiviti ekonomi di kawasan terlibat,” katanya ketika dihubungi, hari ini.

Beliau juga menyifatkan pelaksanaan projek itu sebagai komitmen berterusan kerajaan negeri dan pihak berkaitan dalam menambah baik infrastruktur jalan raya luar bandar bagi memastikan jaringan perhubungan yang lebih selamat, efisien dan berkualiti untuk manfaat rakyat.

Masyarakat diseru jadi ejen komuniti, bendung gejala negatif- YB Nik Bahrum



Oleh: Asri Hamat

PENGKALAN CHEPA, 29 Jun – Ahli Dewan Negeri (ADN) Chempaka, YB Nik Bahrum Nik Abdullah menggesa masyarakat memainkan peranan sebagai ejen komuniti dengan mengambil berat terhadap keadaan sekeliling, termasuk melaporkan kegiatan penyalahgunaan dadah kepada pihak berkuasa.

Katanya, masyarakat tidak seharusnya terlalu berpegang kepada pepatah “jangan jaga tepi kain orang” jika hal itu melibatkan kepentingan dan keselamatan komuniti.

Menurutnya yang juga Timbalan Exco Kerajaan Negeri Kelantan, walaupun ahli keluarga sendiri

tidak terbabit dengan gejala negatif seperti penyalahgunaan dadah, masyarakat tetap perlu mengambil berat sekiranya perkara itu berlaku dalam kalangan jiran atau penduduk setempat.

“Kalau kita tahu ada anak-anak jiran atau penduduk kampung yang terbabit dengan dadah, kita kena memainkan peranan. Sekurang-kurangnya laporkan kepada polis supaya tindakan dapat diambil,” katanya ketika berucap pada Program Bina Ummah Dewan Negeri Chempaka di Kampung Pantai Dasar, di sini, pada Sabtu.

Beliau turut memberi contoh sekiranya penduduk mengetahui terdapat lokasi di kampung yang menjadi tempat remaja berkumpul dan menghisap bahan terlarang, perkara

itu perlu segera dilaporkan kepada pihak berkuasa bagi mengelakkan gejala berkenaan terus menular dalam masyarakat.

Sehubungan itu, beliau menggesa penduduk bersama-sama memelihara kesejahteraan komuniti dengan saling mengambil berat demi memastikan persekitaran yang lebih selamat dan bebas daripada gejala sosial.

Mengulas tentang pembinaan ummah, beliau berkata, usaha membina masyarakat yang baik perlu bermula dengan setiap individu memperbaiki diri terlebih dahulu sebelum mengharap orang lain melakukan perkara yang sama.

“Kalau kita mahu hidup dalam masyarakat yang baik, mahu jiran dan anak-anak kita menjadi orang

yang baik, maka kita sendiri mesti menjadi orang yang baik terlebih dahulu.

“Kita kena bermula daripada diri sendiri, belajar perkara yang sepatutnya dan membetulkan apa yang perlu diperbetulkan,” katanya.

Dalam program Bina Ummah tersebut, YB Nik Bahrum turut melancarkan projek penanaman 100 pokok ru di pesisir Pantai Dasar.

Projek penanaman pokok ru adalah sebagai benteng untuk menghalang hakisan pantai, menahan tiupan angin serta memelihara ekosistem di kawasan pesisiran.

Justeru projek penanaman pokok rutersebut merupakan satu inisiatif murni bagi memupuk kesedaran masyarakat tentang pentingnya menjaga alam sekitar dan melestarikan keindahan pantai untuk manfaat generasi Yang akan datang.

Selain itu, pelbagai acara diadakan sepanjang program tersebut seperti sukaneka, cabutan bertuah, demonstrasi pemadaman kebakaran oleh pihak Bomba dan Penyelamat Pengkalan Chepa serta pameran agensi-agensi seperti Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK) dan Pejabat Kesihatan Daerah.

Dr Wan Martina gesa penguatkuasaan lebih tegas, tanpa kompromi bendung ancaman dadah



Oleh: Norzana Razaly

KOTA BHARU, 27 Jun — Tindakan penguatkuasaan yang lebih tegas, menyeluruh dan tanpa kompromi terhadap pengedar serta sindiket dadah perlu diperkasakan bagi membendung ancaman penyalahgunaan dan pengedaran dadah yang terus mengancam kese-

lamatan negara.

Ahli Dewan Negara YB Senator Dr Wan Martina Wan Yusoff berkata, usaha pencegahan, pendidikan, rawatan dan pemulihan perlu diteruskan secara bersepadu, namun penguatkuasaan terhadap sindiket pengedaran dadah tidak boleh dikompromi.

Beliau berkata demikian menerusi satu kenyataan sempena Hari Antarabangsa Menentang Penyalahgunaan Dadah dan Pengedaran Haram yang disambut pada setiap 26 Jun.

Menurutnya, penyalahgunaan dadah bukan lagi sekadar masalah sosial, sebaliknya menjadi ancaman besar yang menjejaskan kesejahteraan individu, institusi keluarga, pertumbuhan ekonomi serta keselamatan negara.

“Gejala penyalahgunaan dadah kini semakin membimbangkan apabila bukan sahaja melibatkan golongan dewasa, malah turut menjerat remaja dan belia yang

merupakan aset penting negara.

“Pada masa sama, sindiket pengedaran dadah semakin licik memanfaatkan teknologi moden serta rangkaian antarabangsa bagi memperluaskan kegiatan jenayah mereka,” katanya, pada Jumaat.

Sehubungan itu, beliau menggesa kerajaan memperkukuh penguatkuasaan undang-undang sedia ada serta menilai semula akta berkaitan agar hukuman yang dikenakan benar-benar memberi kesan pencegahan terhadap pihak yang terlibat dalam aktiviti pengedaran dadah.

Beliau turut mencadangkan agar kawalan di pintu masuk negara, kawasan sempadan dan laluan yang dikenal pasti sebagai lokasi penyeludupan dipertingkatkan melalui penggunaan teknologi moden serta kerjasama strategik antara agensi penguat kuasa.

“Usaha membanteras rasuah dan kebocoran maklumat yang boleh membantu sindiket dadah

juga perlu diberi perhatian serius. Tiada ruang harus diberikan kepada mana-mana pihak yang bersekongkol dengan penjenayah sehingga mengancam keselamatan rakyat,” jelasnya.

Dalam pada itu, beliau turut menggesa agar program kesedaran awam diperkasakan menerusi penglibatan sekolah, institusi pengajian tinggi, pertubuhan masyarakat, badan agama dan pemimpin komuniti bagi menyemai budaya membenci dadah dalam setiap lapisan masyarakat.

Beliau menegaskan, ancaman dadah bukan sekadar masalah individu, sebaliknya cabaran besar yang boleh menjejaskan masa depan negara sekiranya tidak ditangani secara menyeluruh.

“Justeru, semua pihak perlu berganding bahu memerangi penyalahgunaan dan pengedaran dadah demi melahirkan masyarakat yang sihat, sejahtera dan bebas daripada pengaruh najis dadah,” sarannya.

Dataran Maharani dinaik taraf, rakyat diseru sokong produk usahawan tempatan

Oleh: Irham Hilmi Hashim

KOTA BHARU, 26 Jun — Dataran Maharani dinaik taraf oleh Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri Kelantan (PKINK) menjadi ruang ekonomi dan rekreasi baharu di tengah bandar dan diharap dapat menyemarakkan budaya membeli produk keluaran usahawan tempatan sebagai pemangkin pertumbuhan ekonomi negeri.

Kenyataan itu dizahirkan Exco Pendidikan, Pengajian Tinggi, Teknologi Hijau, Digital dan Inovasi YB Dato’ Wan Roslan Wan Hamat ketika merasmikan Majlis Pelancaran KALA @ Dataran Maharani di Dataran Maharani, di sini, semalam.

Beliau yang juga Pengerusi Jawatankuasa Pemandu KALA PKINK berkata, inisiatif itu membuktikan komitmen PKINK dalam menyokong agenda pembangunan Kerajaan Negeri menerusi penyediaan prasarana yang memberi manfaat langsung kepada rakyat serta komuniti perniagaan.

Menurutnya, kemudahan yang disediakan mampu menceriakan kawasan sekitar Bangunan PKINK



dan membuka lebih banyak peluang ekonomi dan mewujudkan persekitaran yang kondusif kepada pembangunan bandar yang berdaya saing serta mampan.

“Syabas dan tahniah kepada PKINK atas kejayaan menaik taraf Dataran Maharani sebagai satu inisiatif membantu Kerajaan Negeri membangunkan bandar Kota Bharu.

“Semoga rakyat setempat dapat menumpang manfaat daripada kemudahan yang telah disediakan bagi menjamin pertumbuhan ekonomi yang berdaya saing dan mapan di sekitar kawasan ini, selain meningkatkan tahap keceriaan serta suasana di pekarangan Bangunan PKINK,” katanya.

Menurutnya lagi, PKINK sebagai agensi pembangunan

ekonomi negeri terus memainkan peranan penting dalam memacu pertumbuhan ekonomi Kelantan menerusi pelbagai sektor termasuk perkhidmatan, perladangan dan pertanian.

Tambahnya, usaha tersebut diterjemahkan melalui penyertaan syarikat di bawah PKINK seperti DAMAI yang menawarkan jualan longgok durian, selain KALA Sentral yang menghimpunkan pelbagai produk makanan, minuman dan kraftangan keluaran usahawan tempatan.

Sehubungan itu, beliau menyeru masyarakat agar terus menyokong produk keluaran usahawan Kelantan dengan menjadikan budaya membeli barangan tempatan sebagai amalan harian.

“Marilah kita bersama-sama

ma berbelanja dan membeli produk-produk usahawan negeri ini sebagai tanda sokongan terhadap perniagaan tempatan yang menjadi pemangkin kepada pertumbuhan ekonomi Kelantan.

Sehubungan itu, aktiviti keusahawanan sememangnya sinonim dengan masyarakat Kelantan dan sokongan berterusan terhadap perusahaan mikro, kecil dan sederhana (PMKS) amat penting kerana sektor tersebut merupakan antara pemacu utama ekonomi serta sumber pendapatan rakyat.

Beliau berharap Dataran Maharani akan berkembang sebagai hab ekonomi komuniti yang merancakkan aktiviti perniagaan, memperluas pasaran usahawan tempatan serta menjadi destinasi pilihan pengunjung di bandar raya Kota Bharu.

Dato' Mohd Amar santuni 250 armalah dalam Himpunan Armalah 2.0

Oleh: Syamimi Manah

PENGKALAN CHEPA, 25 Jun – Ahli Dewan Negeri (ADN) Panchor YB Dato' Sri Amar D'Raja Dato' Mohd Amar Abdullah menyantuni sebanyak 250 armalah dalam Himpunan Armalah 2.0 Peringkat DUN Panchor yang berlangsung di Dewan Tok Ayah Kedah, di sini, hari ini.

Majlis tersebut turut menyaksikan penyampaian bantuan kepada lima penerima sosio ekonomi, 15 penerima Skim Bantuan Az-Zi-waaj serta 35 penerima sumbangan pesakit kronik.

Menurut Dato' Mohd Amar yang juga Speaker Dewan Negeri Kelantan, program berkenaan merupakan sebahagian daripada usaha berterusan untuk memastikan kebajikan rakyat terus dipelihara, khususnya golongan yang berdepan cabaran hidup.



“Program ini telah menghimpunkan sebanyak 250 penerima armalah sebagai manifestasi keprihatinan terhadap golongan yang memerlukan,” katanya di laman rasmi, hari ini.

Lebih bermakna, majlis itu turut menyaksikan penyampaian Anugerah Tokoh Armalah kepada Rozita Ibrahim sebagai simbol penghargaan terhadap ketabahan,

pengorbanan dan semangat ceka yang dipamerkan sepanjang mengharungi kehidupan.

Pengiktirafan tersebut diberikan sebagai tanda penghormatan kepada individu yang menjadi inspirasi kepada masyarakat melalui ketabahan dan sumbangan yang ditunjukkan.

Dato' Mohd Amar berkata, usaha menyantuni golongan armalah



dan mereka yang memerlukan perlu diteruskan bagi memastikan tiada pihak yang terpinggir daripada arus pembangunan dan kebajikan masyarakat.

“Semoga himpunan ini bukan sahaja menjadi medan menyantuni golongan armalah, bahkan mengeratkan ukhuwah serta memperkukuhkan agenda kebajikan ummah” ujarnya.

Ahli Parlimen perlu rujuk data rasmi sebelum buat dakwaan – TMB Kelantan



Oleh: Syamimi Manah

KOTA DARULNAIM, 1 Julai – Ahli Parlimen diingatkan supaya merujuk data rasmi yang sahih sebelum mengemukakan sebarang dakwaan di Dewan Rakyat bagi mengelakkan kekeliruan serta memastikan setiap kenyataan dibuat berasaskan fakta.

Sehubungan itu, Timbalan Menteri Besar Kelantan YB Dato' Dr Mohamed Fadzli Hassan menggesa setiap wakil rakyat perlu bertanggungjawab ketika membahaskan sesuatu isu, khususnya yang melibatkan sesebuah negeri dalam Persekutuan.

Menurutnya, sebarang dakwaan

tidak seharusnya dibuat secara sewenang-wenangnya kerana tindakan itu boleh mencemarkan imej negeri dan mengelirukan masyarakat.

“Dewan Yang Mulia sepatutnya diisi oleh Ahli Parlimen yang menghormati fakta dan tidak membuat tuduhan sembarangan. Jika sesuatu perkara menyentuh sesebuah negeri seperti Kelantan, hormatilah negeri dan rakyatnya dengan merujuk data yang tepat,” katanya pada sidang media selepas Mesyuarat Exco di Mabna, hari ini.

Beliau juga menegaskan, data rasmi yang diterbitkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM)



perlu dijadikan rujukan utama kerana dokumen itu merupakan statistik rasmi negara bukan semata-mata data yang dikemukakan oleh Kerajaan negeri.

“Data yang tepat bukan datang daripada Kerajaan Negeri Kelantan sahaja, tetapi juga daripada statistik yang dikeluarkan oleh Department of Statistics Malaysia. Sebelum mengeluarkan kenyataan berkaitan sesuatu data, rujuklah terlebih dahulu kepada sumber rasmi. Barulah ia mencerminkan tanggungjawab seorang wakil rakyat,” tegasnya.

Dato Dr. Mohamed Fadzli berkata, setiap ucapan yang disampaikan di Dewan Rakyat tertakluk kepada peraturan dan tidak boleh

mengandungi kenyataan yang boleh mengelirukan Ahli Parlimen lain mahupun rakyat.

“Apabila bercakap dalam Parlimen, ada peraturannya. Kita tidak boleh mengelirukan ahli-ahli Dewan, malah rakyat umum yang mengikuti perbahasan tersebut. Sebagai wakil rakyat, kita perlu menjaga maruah institusi Parlimen dengan memastikan setiap kenyataan berasaskan fakta,” ujarnya.

Beliau berkata demikian sebagai mengulas dakwaan yang dibangkitkan oleh Ahli Parlimen Jelutong YB Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajali (RSN Rayer) serta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan YB Nga Kor Ming berhubung isu sosial di Kelantan yang menurutnya tidak mengambil kira keseluruhan data rasmi yang diterbitkan oleh agensi kerajaan.

Terdahulu, Kerajaan Negeri menegaskan dakwaan yang menggambarkan Kelantan sebagai negeri tertinggi bagi pelbagai kategori jenayah dan gejala sosial adalah tidak tepat, tidak lengkap serta mengelirukan kerana tidak disandarkan kepada statistik rasmi yang menyeluruh.

Anak Kelantan dilantik Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Perubatan)

Oleh: Asri Hamat

KOTA DARULNAIM, 1 Julai - Anak kelahiran Pasir Puteh Dato' Dr. Mohd Azman Yacob, dilantik sebagai Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Perubatan), Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) berkuat kuasa 1 Julai 2026.

Menteri Besar YAB Dato' Panglima Perang Ustaz Dato' Mohd Nasuruddin Daud berkata pelantikan itu merupakan pengiktirafan terhadap pengalaman, kepakaran serta komitmen Dato' Dr. Mohd Azman dalam perkhidmatan kesihatan negara.

Beliau berkata, kerajaan negeri berharap Dato' Dr. Mohd Azman dapat terus melaksanakan amanah yang dipertanggungjawabkan dengan cemerlang demi kesejahteraan rakyat dan kemajuan sistem kesihatan negara.

hatan negara.

"Semoga beliau diberikan kekuatan dan kebijaksanaan untuk memikul amanah ini dengan cemerlang demi kesejahteraan rakyat serta kemajuan sistem kesihatan negara.

"Tahniah dan selamat menjalankan tugas," katanya menerusi media sosial, pada Selasa.

Untuk rekod, Dato' Dr. Mohd Azman, 59, dilahirkan di Pasir Puteh, Kelantan pada 1967 dan merupakan tokoh perubatan serta pentadbir kesihatan awam yang berpengalaman luas.

Sebelum pelantikan tersebut, beliau pernah berkhidmat sebagai Pengarah Kesihatan Negeri Kelantan dan turut mempunyai pengalaman sebagai Timbalan Pengarah Hospital Raja Perempuan Zainab II (HRPZ II), Kota Bharu.



Mufti seluruh negara bersidang di Kelantan, muktamadkan hukum isu semasa umat



Oleh: Syamimi Manah

KOTA BHARU, 1 Julai - Mufti-mufti seluruh negara bersidang di Kelantan selama tiga hari bagi membincangkan serta memuktamadkan pandangan hukum terhadap pelbagai isu semasa yang dihadapi umat Islam menerusi Mesyuarat Jawatankuasa Muzakarah Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Agama Islam Malaysia (MKI) Kali Ke-130.

Mesyuarat yang berlangsung bermula 29 Jun hingga hari ini di Hotel Perdana, Kota Bharu menghimpunkan Ahli Jawatankuasa Muzakarah MKI untuk meneliti isu berkaitan akidah, syariah dan akhlak (tasawuf), selain menghasilkan pandangan hukum, kertas makluman dan garis panduan sebagai rujukan kerajaan, sektor

swasta serta masyarakat Islam di negara ini.

Pengerusi Jawatankuasa Muzakarah MKI Dato' Paduka (Dr.) Nooh Gadot berkata, jawatankuasa itu yang ditubuhkan sejak tahun 1970 telah melaksanakan 130 kali mesyuarat dan menghasilkan lebih 400 pandangan hukum serta garis panduan yang menjadi rujukan pelbagai pihak.

"Pandangan hukum yang diputuskan akan dimaklumkan kepada Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Agama Islam Malaysia (MKI) sebelum dipersembahkan kepada Majlis Raja-Raja bagi mendapat perkenan dan seterusnya dikemukakan kepada pihak berkuasa fatwa negeri untuk tindakan selanjutnya.

"Keputusan yang dihasil-



kan melalui proses kajian dan penyelidikan yang teliti serta diputuskan menerusi semangat ijtihad jama'ie yang menggabungkan kepakaran dalam bidang akidah, syariah, tasawuf, sains, teknologi, sosial, budaya dan ekonomi demi memelihara maqasid syariah," katanya.

Beliau berkata demikian ketika menyampaikan ucapan pada Majlis Tautan Ulama' dan Umara' sempena Mesyuarat Jawatankuasa Muzakarah MKI Kali Ke-130 di Hotel Perdana, di sini, semalam.

Menurutnya, mekanisme yang diamalkan Jawatankuasa Muzakarah MKI membantu melahirkan fatwa dan pandangan hukum yang berwibawa serta mempunyai kredibiliti tinggi untuk dijadikan sandaran oleh kerajaan, swasta dan

masyarakat.

Tambahnya, usaha memperluaskan kefahaman masyarakat terhadap pandangan hukum dan fatwa turut diperkasakan melalui pelbagai medium termasuk media baharu dan penggunaan teknologi kecerdasan buatan (AI) supaya maklumat dapat diakses serta difahami dengan lebih meluas.

"Sebagai Pengerusi Jawatankuasa Muzakarah MKI, saya juga akan mengeluarkan kenyataan media sebagai penjelasan dan pemakluman rasmi kepada agensi kerajaan, swasta serta masyarakat awam berkaitan pandangan hukum yang diputuskan oleh Jawatankuasa Muzakarah MKI," jelasnya.

Dalam pada itu, beliau merakamkan penghargaan kepada Kerajaan Negeri Kelantan, Jabatan Mufti Negeri Kelantan, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) serta semua agensi yang terlibat dalam menjayakan penganturan mesyuarat berkenaan.

Beliau turut berharap sokongan kerajaan di peringkat Persekutuan dan negeri terhadap institusi ulama akan terus diperkukuh sebagai manifestasi hubungan erat antara ulama dan umara' dalam memastikan syiar Islam terus dimartabatkan di negara ini.

20 pasangan di DUN Tawang terima Skim Gerbang Az-Ziwaaj

Oleh: Irham Hilmi Hashim

BACHOK, 1 Julai – Sejumlah 20 pasangan di DUN Tawang menerima cek Skim Gerbang Az-Ziwaaj daripada Kerajaan Negeri Kelantan dalam satu majlis yang diadakan sempena Usrah Mingguan DUN Tawang di Pusat Khidmat DUN (PKD)Tawang.

Ahli Dewan Negeri (ADN) Tawang YB Harun Ismail berkata, skim tersebut merupakan antara inisiatif Kerajaan Negeri bagi membantu pasangan yang baru mendirikan rumah tangga, sekali gus memperkukuh institusi kekeluargaan di negeri ini.

Katanya, sumbangan yang diberikan diharap dapat membantu para penerima membuat persiapan dan menampung keperluan awal dalam melayari alam perkahwinan.

Beliau berkata demikian selepas



menyampaikan cek Skim Gerbang Az-Ziwaaj kepada para penerima di Pusat Khidmat DUN Tawang sebagaimana catatan menerusi media sosial, semalam.

Dalam pada itu, YB Harun turut merakamkan ucapan tahniah kepada semua pasangan yang menerima sumbangan tersebut serta mendoakan agar mereka dikurniakan kehidupan berkeluarga yang diberkati.

“Pembinaan sebuah keluarga yang bahagia perlu berasaskan pegangan agama, kasih sayang, sikap saling memahami serta tanggungjawab antara suami dan isteri,” katanya.

Tambahnya, bantuan yang disalurkan bukan sekadar meringankan beban kewangan pasangan yang baru berkahwin, malah mencerminkan keprihatinan Kerajaan Negeri terhadap kebajikan rakyat.



Sehubungan itu, beliau berharap para penerima dapat memanfaatkan sumbangan yang diberikan dengan sebaik-baiknya bagi memulakan kehidupan berumah tangga.

Beliau turut mendoakan agar semua pasangan yang menerima Skim Gerbang Az-Ziwaaj dikurniakan keluarga yang sakinah, mawaddah dan rahmah serta sentiasa berada dalam lindungan dan keberkatan Allah SWT.

Kelantan tuan rumah MALDEX 2026, bukti mampu anjur persidangan berprestij



Oleh: Irham Hilmi Hashim

KOTA BHARU, 1 Julai — Pemilihan Kelantan sebagai tuan rumah Malaysia Dental Conference & Exhibition (MALDEX) 2026 mencerminkan keyakinan pelbagai pihak terhadap keupayaan negeri ini menganjurkan program ilmiah, profesional bertaraf kebangsaan yang berprestij sekali gus mengukuhkan kedudukannya sebagai destinasi persidangan berimpak tinggi.

Exco Kerajaan Tempatan, Perumahan, Kesihatan dan Alam Sekitar YB Hilmi Abdullah berkata, persidangan yang dijadual berlangsung pada 3 hingga 5 Julai di Renai Hotel, Kota Bharu itu bakal

menghimpunkan pakar pergigian, ahli akademik, pengamal industri serta pemain sektor kesihatan dari seluruh negara.

Menurutnya, penganjuran MALDEX 2026 bukan sahaja memperkukuh jaringan profesional, malah menjadi platform strategik untuk meningkatkan mutu perkhidmatan pergigian melalui perkongsian ilmu, inovasi dan amalan terbaik.

Beliau berkata demikian selepas menerima kunjungan hormat delegasi Dental PAPISMA (Pertubuhan Amal Perubatan Ibnu Sina Malaysia) di pejabatnya di Kota Darulnaim, semalam.

Katanya, kunjungan tersebut bertujuan memberi taklimat men-



genai persiapan akhir penganjuran MALDEX 2026 serta menyelaraskan pelaksanaan persidangan yang dijadual berlangsung minggu hadapan.

“MALDEX 2026 akan menjadi medan penting bagi menghimpunkan kepakaran dalam bidang pergigian serta memperkukuh kerjasama profesional ke arah meningkatkan kualiti perkhidmatan kesihatan pergigian negara,” katanya.

Beliau memaklumkan, persidangan yang bertema “Beyond Digital: Elevating Patient Experience and Clinical Excellence” itu akan memberi penekanan kepada usaha mempertingkatkan pengalaman pesakit serta kecemerlangan ama-

lan klinikal seiring perkembangan teknologi dalam bidang pergigian.

Selain sesi ilmiah, MALDEX 2026 turut menampilkan pameran teknologi pergigian terkini yang dijangka menjadi platform terbaik untuk perkongsian penyelidikan, inovasi serta pembangunan profesional.

Menurutnya, penganjuran persidangan tersebut bukan sahaja memberi manfaat kepada komuniti pergigian, malah berpotensi merancakkan sektor pelancongan perniagaan dan ekonomi setempat melalui kehadiran peserta dari seluruh negara.

Sehubungan itu, beliau mengalu-alukan kehadiran semua peserta dan delegasi ke Kelantan serta berharap MALDEX 2026 dapat berlangsung dengan lancar dan mencapai objektif yang disasarkan.

YB Hilmi turut berharap persidangan berprestij itu menjadi pemangkin kepada kecemerlangan perkhidmatan kesihatan pergigian negara melalui pemerikasaan kepakaran, inovasi dan jaringan profesional yang memberi manfaat kepada rakyat.

Reban baharu tingkat bekalan 20,000 ekor ayam bagi setiap pusingan

Oleh: Irham Hilmi Hashim

PASIR MAS, 2 Julai — Pembangunan reban ayam pedaging sistem tertutup kedua di Rong Chenok Agro Valley dijangka meningkatkan bekalan ayam tempatan sebanyak 20,000 ekor bagi setiap pusingan ternakan sekali gus memenuhi permintaan pasaran di Kelantan.

Exco Pertanian, Industri Agromakanan dan Komoditi YB Dato' Tuan Mohd Saripudin Tuan Ismail berkata, projek yang dilaksanakan oleh Perbadanan Kemajuan Pertanian Negeri Kelantan (PKPNK) menerusi Projek Pembangunan Agromakanan Negara itu merupakan hasil kerjasama strategik antara Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) dengan Kerajaan Negeri Kelantan.

“Reban ini mampu menampung sehingga 20,000 ekor ayam pedaging bagi setiap pusingan ternakan sekali gus membantu meningkat-



kan bekalan ayam untuk memenuhi keperluan pasaran tempatan di Kelantan.

“Semoga projek ini dapat memperkukuh industri penternakan serta agenda keterjaminan makanan di negeri Kelantan,” katanya.

Beliau berkata demikian pada Majlis Pelepasan Anak Ayam sempena pembangunan reban ayam pedaging sistem tertutup kedua di Rong Chenok Agro Valley, semalam.

Majlis tersebut disempurnakan

dengan gimik pelepasan anak ayam sebagai simbol permulaan operasi reban baharu berkenaan.

Menurutnya, pembangunan reban sistem tertutup itu membuktikan komitmen berterusan Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri dalam memperkasakan sektor agromakanan menerusi pelaksanaan projek berimpak tinggi yang mampu meningkatkan pengeluaran makanan negara.

“Projek ini turut menyokong usaha meningkatkan tahap sara diri



bekalan makanan serta menjamin bekalan sumber protein yang mencukupi kepada rakyat,” jelasnya sebagaimana dikongsikan menerusi media sosial pada Rabu.

Beliau berharap kerjasama strategik antara KPKM, Kerajaan Negeri dan PKPNK akan terus diperkasakan bagi memperluas pelaksanaan projek pembangunan agromakanan yang mampu meningkatkan produktiviti sektor pertanian serta memberi manfaat kepada kesejahteraan rakyat Kelantan.

Golongan OKU perlu terus diberi ruang kembang potensi - YB Zubir



Oleh: Irham Hilmi Hashim

KUALA KRAI, 2 Julai — Golongan orang kurang upaya (OKU) perlu terus diberikan ruang dan peluang untuk mengembangkan potensi serta menyumbang kepada pembangunan negeri melalui penyediaan akses yang lebih inklusif dalam pendidikan, pekerjaan dan pembangunan diri.

Ahli Dewan Negeri (ADN) Mengkebang YB Zubir Abu Bakar berkata, Kerajaan Negeri Kelantan komited memperkasa kebajikan dan pembangunan golongan OKU dengan meningkatkan peruntukan bantuan kepada RM600,000 tahun

ini berbanding RM500,000 pada tahun lepas.

Menurutnya, peningkatan sebanyak RM100,000 itu mencerminkan keprihatinan kerajaan negeri dalam memastikan kebajikan serta pembangunan komuniti OKU terus menjadi agenda utama.

“Golongan OKU bukanlah kelompok yang wajar dipinggirkan. Mereka memiliki bakat, potensi dan keupayaan yang perlu diberi ruang untuk terus berkembang.

“Kita bertanggungjawab memastikan golongan OKU menikmati hak yang sama dalam



pendidikan, pekerjaan, pembangunan diri dan kehidupan bermasyarakat agar mereka dapat menyumbang kepada pembangunan negeri mengikut kemampuan masing-masing,” jelasnya.

Beliau berkata demikian ketika merasmikan Himpunan OKU DUN Mengkebang 2026 di Dewan Tok Guru Abdul Rahman, Sungai Durian, di sini, pada 30 Jun.

Pada majlis tersebut, sebanyak 45 OKU dari DUN Mengkebang menerima sumbangan sebagai tanda keprihatinan terhadap kebajikan dan kesejahteraan mereka.

Menurut YB Zubir, program

seumpama itu menjadi platform memperkukuh ukhuwah, meningkatkan keyakinan diri, mengasah bakat serta menyemai kesedaran bahawa setiap individu mempunyai peranan penting dalam masyarakat.

“Kelantan berbangga kerana berjaya melahirkan ramai individu luar biasa dalam kalangan OKU yang membuktikan kekurangan fizikal bukan penghalang untuk mencapai kecemerlangan.

“Sebagai contoh, kejayaan Muhammad Qayyim Nizar Sari-mi muncul sebagai Johan Tilawah Al-Quran Peringkat Kebangsaan 2023 membuktikan golongan OKU mampu mengharumkan nama negeri apabila diberikan peluang dan sokongan yang sewajarnya,” katanya ketika dihubungi, hari ini.

Beliau berkata, kejayaan tersebut wajar dijadikan inspirasi kepada masyarakat untuk terus menghargai keupayaan golongan OKU serta bersama-sama mewujudkan persekitaran yang lebih inklusif demi kesejahteraan semua.

RUU Jenayah Siber perlu tegas, adil tanpa pendakwaan terpilih – YB Ahmad Fadhli



Oleh: Syamimi Manah

KUALA LUMPUR, 2 Julai – Ahli Parlimen Pasir Mas YB Ahmad Fadhli Shaari menegaskan Rang Undang-Undang (RUU) Jenayah Siber 2026 perlu memperuntukkan hukuman yang tegas terhadap penjenayah siber dan penguatkuasaannya mesti dilaksanakan secara adil tanpa pendakwaan secara terpilih.

Beliau berkata demikian ketika mengambil bahagian dalam perbincangan RUU Jenayah Siber 2026 di Dewan Rakyat, semalam.

Perbincangan beliau memfokuskan kepada dua isu utama iaitu

keberkesanan hukuman yang lebih berat serta keperluan memastikan kuasa penguatkuasaan dilaksanakan secara saksama.

Menurutnya, RUU tersebut memperuntukkan hukuman yang jauh lebih berat berbanding undang-undang sedia ada, termasuk denda sehingga RM100,000 atau penjara tiga tahun bagi kesalahan mengakses sistem komputer tanpa kuasa manakala hukuman boleh meningkat sehingga RM500,000 atau penjara tujuh tahun jika dilakukan bagi memudahkan kesalahan lain.

Tambahnya, bagi kesalahan penipuan berkaitan komputer, hukuman maksimum ialah denda RM1 juta atau penjara 10 tahun, manakala kesalahan melibatkan kandungan 'deepfake' boleh dikenakan denda sehingga RM500,000 atau penjara tujuh tahun.

“Saya menyokong hukuman yang lebih berat terhadap penjenayah siber. Namun persoalannya, adakah hukuman yang semak-

in berat benar-benar menjamin jenayah akan berkurangan, atau kerajaan perlu meningkatkan kemampuan mengesan, menyiasat dan membawa penjenayah ke muka pengadilan,” katanya di laman rasmi, pada Rabu.

Beliau turut merujuk statistik kerajaan yang menunjukkan jenayah siber terus meningkat walaupun pelbagai undang-undang telah diwujudkan, termasuk 31,515 kes penipuan telekomunikasi, 19,828 kes penipuan komputer, 16,186 kes penipuan e-dagang, 6,206 kes e-kewangan dan 833 kes jenayah seksual komputer yang direkodkan sepanjang tahun 2025.

Dalam perbincangan itu, YB Ahmad Fadhli juga membangkitkan kebimbangan terhadap kuasa yang diberikan kepada menteri di bawah RUU berkenaan serta menegaskan undang-undang yang baik perlu menjamin penguatkuasaan yang konsisten dan bebas daripada pendakwaan terpilih.

“Undang-undang yang baik bukan sekadar memberikan kuasa

yang besar kepada kerajaan tetapi mestilah menjamin penguatkuasaan yang konsisten dan tidak bersifat terpilih,” jelasnya.

Beliau memberi contoh beberapa dakwaan di media sosial yang menurutnya tidak selari dengan fakta rasmi termasuk dakwaan bahawa Kelantan merupakan negeri tertinggi bagi jenayah seksual terhadap kanak-kanak.

Menurutnya, Laporan Statistik Kanak-Kanak Malaysia 2025 terbitan Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) menunjukkan Kelantan merekodkan 124 kes jenayah seksual melibatkan mangsa berumur 18 tahun ke bawah pada 2023 dan 91 kes bagi kesalahan seksual terhadap kanak-kanak pada 2024 iaitu lebih rendah berbanding beberapa negeri lain.

Sehubungan itu, beliau mempersoalkan sama ada RUU Jenayah Siber 2026 benar-benar mampu membendung penyebaran maklumat palsu secara menyeluruh atau hanya dikuatkuasakan secara terpilih terhadap pihak tertentu.

YB Zakhran bantu Suhaizam berniaga air balang



Oleh: Irham Hilmi Hashim

MACHANG, 2 Julai — Hasrat seorang orang kurang upaya (OKU) untuk berdikari melalui perniagaan air balang mendapat suntikan semangat apabila Ahli Dewan Negeri (ADN) Kemuning, YB Ahmad Zakhran Mat Noor menghulurkan bantuan peralatan perniagaan bagi membolehkan usaha itu direalisasikan.

Sumbangan berupa khemah, meja lipat dan bekas balang air disampaikan melalui Pusat Khidmat

DUN (PKD) Kemuning kepada Suhaizam Ibrahim, 30, atau lebih dikenali sebagai Abe Ijam di Kampung Sungai Hala, di sini, pada 30 Jun.

YB Ahmad Zakhran berkata, bantuan itu bertujuan membantu Suhaizam menjana pendapatan sendiri sekali gus mengurangkan kebergantungan kepada bantuan kebajikan.

“Baru-baru ini, Abe Ijam menyatakan hasratnya kepada pihak kami untuk mencari rezeki dengan

usaha sendiri, sekurang-kurangnya tidaklah bergantung semata-mata atas pemberian orang lain melalui perniagaan air balang.

“Insya Allah beliau akan dibantu oleh anak-anaknya dan lokasi perniagaan hanya boleh dibuat di hadapan rumahnya kerana kekangan keupayaan akibat matanya yang buta,” katanya menerusi media sosial pada Khamis.

Beliau berkata, usaha memperkasa golongan memerlukan tidak seharusnya tertumpu kepada pemberian bantuan sekali sahaja, sebaliknya perlu disokong dengan inisiatif yang mampu meningkat-

kan keupayaan mereka untuk berdikari.

Menurutnya, pendekatan sedemikian memberi impak jangka panjang kerana penerima bantuan berpeluang membina kehidupan yang lebih baik melalui sumber pendapatan sendiri.

Beliau turut mendoakan agar perniagaan yang bakal diusahakan Suhaizam dipermudahkan dan menjadi sumber rezeki yang berkat buat beliau serta keluarganya.

“Semoga perniagaan ini dipermudahkan dan menjadi sumber rezeki yang baik buat beliau serta keluarga,” katanya.



Pendidikan berteraskan al-Quran lahirkan generasi cemerlang – Exco Pendidikan

Oleh: Asyura Muhamad

KOTA BHARU, 2 Julai – Pendidikan yang berteraskan al-Quran, sunnah dan nilai ketuhanan menjadi asas penting dalam melahirkan generasi berilmu, berakhlak serta mampu menyumbang kepada pembangunan ummah dan negeri.

Exco Pendidikan, Pengajian Tinggi, Teknologi Hijau, Digital dan Inovasi Negeri Kelantan, YB Dato' Wan Roslan Wan Hamat berkata, ayat pertama yang diturunkan kepada Nabi Muhammad SAW ialah Iqra' yang membawa maksud membaca, sekali gus menunjukkan kepentingan menuntut ilmu dalam Islam.

Beliau berkata, ibu bapa memikul amanah besar untuk mencorakkan kehidupan anak-anak kerana setiap insan dilahirkan dalam keadaan suci.

"Nabi Muhammad SAW bersabda agar anak-anak dididik dengan tiga perkara, iaitu mencintai Nabi, mencintai ahli keluarga serta para sahabat Baginda dan membaca al-Quran.

"Sekiranya ibu bapa tidak berkesempatan mendidik sendiri anak-anak dalam perkara tersebut, mereka hendaklah memilih institusi pendidikan yang mampu melaksanakannya."

Beliau berkata demikian ketika merasmikan Mesyuarat Agung Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG)



Kali Ke-7 (MSTG) di Dewan Tok Guru MSTG, hari ini.

Menurut beliau, komitmen Kerajaan Negeri dalam membangunkan (YIK) adalah bagi memastikan pelajar menguasai ketiga-tiga tuntutan sebagaimana yang digariskan oleh Rasulullah SAW.

Katanya, usaha itu diterjemahkan melalui penubuhan Maahad Muhammadi Lelaki dan Maahad Muhammadi Perempuan pada tahun 1993 sebagai antara institusi yang memberi penekanan kepada pembentukan sahsiah dan kecermerlangan akademik.

Dalam pada itu, YB Wan Roslan turut mengingatkan pelajar supaya menjaga hubungan dengan Allah SWT bagi memperoleh keberkatan dalam menuntut ilmu.

Sementara itu, Yang Dipertua

PIBG, YB Dato' Dr Izani Husin berkata, setiap individu mempunyai potensi akal yang sama, namun kejayaan bergantung kepada kesungguhan, disiplin dan usaha yang berterusan.

Beliau berkata, proses pembelajaran yang berkesan memerlukan pengulangan, budaya bertanya kepada guru serta berkongsi ilmu dengan orang lain.

"Apa yang paling penting ialah ibu bapa perlu meyakinkan anak-anak bahawa mereka mampu berjaya, dengan kerjasama erat antara guru dan ibu bapa, MSTG berpotensi muncul sebagai antara sekolah cemerlang di Kelantan," ujarnya.

Sementara itu, Timbalan Pengarah Bahagian Akademik, Sukeri Hussin yang mewakili Pengarah

“pa yang paling penting ialah ibu bapa perlu meyakinkan anak-anak bahawa mereka mampu berjaya, dengan kerjasama erat antara guru dan ibu bapa, MSTG berpotensi muncul sebagai antara sekolah cemerlang di Kelantan,”

YIK berkata, YIK akan terus memperkukuh usaha melahirkan generasi yang memiliki kekuatan ilmu dan agama, selain mampu bersaing di peringkat antarabangsa.

Beliau berkata, YIK turut mempergiat latihan kepada guru dan pelajar bagi meningkatkan kecermerlangan akademik, termasuk menetapkan sasaran Gred Purata Mata Pelajaran (GPMP) bagi setiap subjek serta Gred Purata Sekolah (GPS) di setiap sekolah YIK bagi meningkatkan prestasi pelajar, guru dan sekolah secara menyeluruh.

Pada majlis sama, turut berlangsung ialah gimik penyerahan kunci kereta oleh wakil Bank Muamalat dan gimik penyerahan TV Smart Board oleh Yayasan Taqwa bagi kegunaan pentadbir, guru-guru dan pelajar MSTG.



Kesedaran rakyat Kelantan terhadap kesihatan mental semakin meningkat

Oleh: Asri Hamat

KOTA BHARU, 2 Julai - Kesedaran rakyat Kelantan terhadap kepentingan menjaga kesihatan mental semakin meningkat, dibuktikan dengan pertambahan individu yang tampil mendapatkan khidmat kaunseling dan rawatan di fasiliti kesihatan.

Exco Kerajaan Tempatan, Perumahan, Kesihatan dan Alam Sekitar YB Hilmi Abdullah berkata, peningkatan itu menunjukkan kempen kesedaran yang dilaksanakan kerajaan negeri bersama Jabatan Kesihatan Negeri Kelantan (JKNK) mendapat sambutan menggalakkan daripada masyarakat.

Katanya, kesihatan mental bukan lagi isu terpencil yang hanya melibatkan segelintir individu, sebaliknya menjadi cabaran kesihatan awam yang semakin mendapat perhatian di seluruh negara termasuk di Kelantan.

“Hasrat kita adalah untuk mengelakkan rakyat daripada mengalami penyakit mental. Sebab itu pelbagai program seperti kempen, ceramah dan promosi budaya hidup sihat dilaksanakan bagi meningkatkan kesedaran masyarakat.

“Tiga faktor utama yang sering dikaitkan dengan penyakit mental ialah tekanan, kemurungan dan kebimbangan. Tekanan boleh dialami oleh semua golongan, manakala kemurungan menyebabkan seseorang cenderung menyendiri dan tidak mahu bergaul kerana berasa rendah diri akibat layanan masyarakat, ahli keluarga atau rakan sekerja.”

Beliau berkata demikian ketika berucap merasmikan program Jelajah Larian Obor Harapan Kesihatan Mental peringkat Negeri Kelantan, di perkarangan AEON Mall, di sini, hari ini.

Sebanyak 2000 peserta menyertai larian tersebut. Larian obor tersebut akan menjelajah ke seluruh daerah di Negeri Kelantan untuk memberi kesedaran kepada masyarakat tentang kesihatan mental.

Kata YB Hilmi lagi, masyarakat perlu memainkan peranan dengan mendekati individu yang mengalami masalah kesihatan mental supaya mereka berasa disokong dan



mempunyai ruang untuk meluahkan perasaan.

“Apabila mereka percaya kepada kita dan dapat berkongsi perasaan, tekanan yang dialami dapat dikurangkan. Itulah tujuan program seperti ini diadakan,” katanya.

Mengulas statistik, beliau memaklumkan Tinjauan Kesihatan dan Morbiditi Kebangsaan (NHMS) 2023 menganggarkan sebanyak 1 juta rakyat Malaysia atau 4.6 peratus daripada penduduk berumur 15 tahun ke atas didiagnosis mengalami kemurungan.

Katanya, angka itu hampir dua kali ganda berbanding 2019 sekali gus menggambarkan cabaran kesihatan mental yang semakin membimbangkan.

Di Kelantan, katanya, bilangan pesakit yang mendapatkan rawatan kesihatan mental di klinik kesihatan meningkat daripada 2,924 kes pada 2021 kepada 4,148 kes pada 2025.

“Hampir 70 peratus daripada kes itu membabitkan masalah kebimbangan dan kemurungan,” jelasnya.

Tambahnya, analisis saringan kesihatan mental di Kelantan mendapati 29.5 peratus individu yang dikesan mengalami gejala kemurungan terdiri daripada remaja berusia 13 hingga 19 tahun, manakala 37.2 peratus membabitkan warga emas.

Bagi gejala kebimbangan pula, golongan dewasa awal berusia 20 hingga 39 tahun merupakan kumpulan paling ramai dikesan mengalami masalah itu iaitu 47 peratus daripada keseluruhan kes.

Katanya, dapatan itu menunjukkan kesihatan mental bukan lagi isu yang tertumpu kepada satu kumpulan umur, sebaliknya mel-

ibatkan remaja, golongan dewasa dan warga emas yang masing-masing berdepan cabaran kehidupan berbeza.

“Di sebalik setiap statistik, ada insan yang sedang berjuang dalam diam. Ada anak muda yang menyembunyikan tekanan kerana takut dipandang lemah, ibu bapa yang memendam keresahan demi keluarga dan warga emas yang bergelut dengan kesunyian tanpa tempat untuk meluahkan perasaan.

“Luka pada fizikal mudah dilihat, namun luka pada jiwa sering tersembunyi. Menjadi tanggungjawab kita untuk mewujudkan masyarakat yang lebih memahami, prihatin dan berani menghulurkan bantuan,” katanya.

Tambahnya, kerajaan negeri komited memperkukuhkan perkhidmatan kesihatan mental melalui kerjasama dengan JKNK dan pelbagai agensi.

Antara inisiatif dilaksanakan termasuk program Komuniti Minda Sihat, memperkasakan komuniti penghantar makanan sebagai duta dan simbol keteguhan kesihatan mental, selain menyediakan platform saringan Minda Sihat secara dalam talian.

Katanya, orang ramai juga boleh mendapatkan bantuan melalui Talian Heal 15555, klinik kesihatan berhampiran serta 15 talian



“

Perjuangan ini bukan milik Jabatan Kesihatan semata-mata, sebaliknya tanggungjawab kita bersama untuk membina sebuah negeri yang bukan sahaja maju dari segi pembangunan fizikal, malah kaya dengan nilai kasih sayang, empati dan kesejahteraan mental,”

psikososial khas yang diwujudkan di Kelantan bagi menyediakan sokongan psikologi, nasihat dan bantuan awal.

Selain itu, usaha advokasi diperkasakan menerusi kempen “Hentikan Stigma, Kesihatan Mental Milik Semua” melalui pelbagai hebahan dan pendidikan kesihatan di media sosial rasmi JKNK termasuk Facebook dan TikTok.

Jelasnya lagi, kerjasama turut diperluaskan dengan pelbagai agensi termasuk Urus Setia Kebajikan, Pembangunan Keluarga dan Wanita (U-KEKWA) yang melaksanakan inisiatif sokongan kesejahteraan emosi dan program kaunseling khusus untuk wanita.

YB Hilmi turut menyeru semua agensi kerajaan, pihak berkuasa tempatan, institusi pengajian tinggi, sektor swasta, pertubuhan bukan kerajaan (NGO), media dan seluruh rakyat Kelantan agar terus berganding bahu memperkukuhkan usaha promosi, pencegahan, pengesanan awal, intervensi dan rehabilitasi kesihatan mental.

“Perjuangan ini bukan milik Jabatan Kesihatan semata-mata, sebaliknya tanggungjawab kita bersama untuk membina sebuah negeri yang bukan sahaja maju dari segi pembangunan fizikal, malah kaya dengan nilai kasih sayang, empati dan kesejahteraan mental,” katanya.



Kedaulatan makanan penentu kelangsungan negara, pengkelasan masyarakat perlu dinilai semula

Oleh: Irham Hilmi Hashim

KOTABHARU, 2 Julai – Kedaulatan makanan kini menjadi antara aspek paling penting dalam menjamin kelangsungan sesebuah negara, justeru usaha memperkukuh sekuriti bekalan makanan perlu diberi perhatian serius di samping menilai semula kaedah pengkelasan kluster masyarakat B40, M40 dan T20 agar lebih mencerminkan realiti ekonomi rakyat.

Sehubungan itu, Ahli Dewan Negeri (ADN) Gual Perioh YB Kamaruzaman Mohamad berkata, dunia kini tidak lagi hanya membincangkan isu sekuriti makanan, sebaliknya telah beralih kepada konsep kedaulatan makanan yang mempunyai kaitan langsung dengan kestabilan sesebuah negara.

Menurutnya, kegagalan menjamin bekalan makanan boleh memberi kesan besar terhadap kedaulatan negara, sekali gus menuntut perhatian semua pihak dalam merangka dasar yang lebih mampan.

“Sekarang ini kita dah pergi sampai ‘level food sovereignty’, kedaulatan makanan. Maknanya kalau tak ada makanan, kedaulatan sebuah negara boleh terjejas,” katanya.

Beliau berkata demikian semasa



mengulas dalam program Sisi Pandang episod ke-41 bertajuk “Tekanan Kos Sara Hidup: B40 Mampu Bertahan?” yang disiarkan oleh Institut Pemikiran Tuan Guru Bentara Setia (IPTG), pada Rabu.

Mengulas lanjut, YB Kamaruzaman berkata, tekanan kos sara hidup yang semakin meningkat merupakan realiti yang sedang dihadapi rakyat dan tidak boleh dipandang ringan atau disembunyikan.

Menurutnya, masyarakat sedang bertungkus-lumus meneruskan kehidupan dalam keadaan ekonomi yang semakin mencabar, sekali gus memerlukan pendekatan yang lebih realistik dalam menangani isu tersebut.

“Rakyat sedang bertungkus-lumus untuk meneruskan hidup. Realitinya memang hari ini kita sedang berdepan dengan masalah ini dan kita tidak boleh ‘swipe un-

der the carpet’, maknanya kita kena hadapi,” katanya.

Beliau turut berpandangan bahawa sistem pengkelasan isi rumah kepada kumpulan B40, M40 dan T20 wajar dikaji semula kerana tidak lagi menggambarkan kedudukan ekonomi sebenar seseorang individu atau sesebuah keluarga.

Tambahnya lagi, penilaian berasaskan jumlah pendapatan semata-mata tidak mengambil kira tanggungan keluarga, kos kehidupan mengikut lokasi serta komitmen harian yang berbeza-beza.

Katanya, terdapat keluarga yang memperoleh pendapatan lebih tinggi, namun masih berdepan tekanan kewangan yang lebih besar berbanding isi rumah berpendapatan rendah kerana faktor kos sara hidup dan bilangan tanggungan.

“Mungkin yang berpendapatan RM13,000 dengan lima orang anak

di Kuala Lumpur sebenarnya lebih miskin daripada B40 yang ada seorang anak,” jelasnya.

Sehubungan itu, beliau menegaskan pendekatan yang lebih menyeluruh perlu diterapkan dalam merangka dasar berkaitan kesejahteraan rakyat supaya bantuan dan intervensi kerajaan dapat disasarkan kepada golongan yang benar-benar memerlukan.

Menurutnya, isu kos sara hidup tidak seharusnya dilihat hanya melalui angka pendapatan, sebaliknya perlu mengambil kira keseluruhan realiti kehidupan yang dihadapi rakyat pada masa ini.

Dalam pada itu, beliau mengingatkan bahawa segala perancangan ekonomi dan pembangunan negara perlu berorientasikan kepentingan generasi akan datang agar mereka tidak dibebankan dengan pelbagai masalah yang diwarisi.

Gesanya, kerajaan dan semua pihak berkepentingan perlu memastikan pembangunan negara dilaksanakan secara bertanggungjawab demi menjamin masa depan yang lebih sejahtera.

“Kita tidak mahu generasi akan datang mewarisi papa kedana, mewarisi masalah, atau mewarisi hutang negara yang begitu banyak,” tegasnya.

Dato' Wan Roslan santuni 24 keluarga sehari menerusi Program SKC

Oleh: Syamimi Manah

TUMPAT, 30 Jun – Ahli Dewan Negeri (ADN) Pengkalan Kubor YB Dato' Wan Roslan Wan Hamat menyantuni 24 keluarga dalam tempoh sehari menerusi Program Skuad Kita Cakna (SKC) yang dilaksanakan di enam mukim sekitar Pengkalan Kubor pada 29 Jun.

Program yang berlangsung di Mukim Bunohan, Telaga Bata, Telok Jering, Bendang Pak Yong, Simpangan dan Jejuluk itu memberi tumpuan kepada penduduk uzur, sakit serta mereka yang memerlukan perhatian dan sokongan masyarakat.

Dato' Wan Roslan berkata, setiap kunjungan bukan sekadar memenuhi agenda ziarah kebajikan bahkan



menjadi medan mengeratkan ukhuwah serta menyuntik semangat kepada mereka yang sedang berdepan ujian.

“Sepanjang program ini, sebanyak 24 orang telah diziarahi melibatkan mereka yang uzur, sakit serta memerlukan perhatian dan sokongan masyarakat.

“Semoga setiap kunjungan ini



menjadi asbab mengeratkan ukhuwah, menyuntik semangat kepada mereka yang diziarahi serta menjadi amal kebajikan yang diterima di sisi Allah SWT,” katanya di laman rasmi, semalam.

Beliau turut merakamkan penghargaan kepada seluruh jentera Skuad Kita Cakna (SKC) yang bertungkus-lumus menjayakan program

berkenaan sehingga berjaya dilaksanakan dengan lancar di keenam-enam mukim terbabit.

Menurutnya, komitmen dan semangat kesukarelawanan yang ditunjukkan oleh anggota SKC mencerminkan budaya prihatin yang terus diperkasakan dalam usaha memastikan kebajikan rakyat sentiasa diberi perhatian.



Mufti seluruh negara bersidang di Kelantan, muktamadkan hukum isu semasa umat

FAM Trip Jakarta–Kelantan buka peluang pasaran serantau

Oleh: Norzana Razaly

KOTA BHARU, 27 Jun — Program Familiarisation Trip (FAM Trip) Jakarta–Kelantan membuka peluang baharu kepada Negeri Kelantan untuk menembusi pasaran pelancongan Indonesia menerusi promosi secara langsung oleh pengamal media dan mempengaruhi negara itu, sekali gus memperkukuh kedudukan negeri ini sebagai destinasi pilihan di rantau Asia Tenggara.

Timbalan Menteri Besar Kelantan YB Dato' Dr Mohamed Fadzli Hassan berkata, kerjasama strategik antara AirAsia dan Kerajaan Negeri Kelantan menjadi pemangkin penting dalam memperluas jaringan pelancongan serantau serta menyokong kempen Tahun Melawat Malaysia 2026.

Beliau berkata demikian ketika merasmikan Majlis Makan Malam sempena Program FAM Trip Jakarta–Kelantan 2026 yang berlangsung di sebuah hotel, di sini, semalam.

Menurutnya, program anjuran AirAsia dengan kerjasama Kerajaan Negeri Kelantan itu merupakan platform strategik untuk memperkenalkan produk pelancongan negeri kepada pasaran Indonesia yang mempunyai potensi besar.

“Kerajaan Negeri Kelantan amat berbesar hati dapat bekerjasama dengan AirAsia dalam menjayakan program yang amat bermakna ini, khususnya dalam usaha memperkenalkan Kelantan kepada pasaran



Indonesia.

“Kerjasama strategik antara AirAsia dan Kerajaan Negeri Kelantan ini membuktikan komitmen bersama dalam memperkukuh hubungan pelancongan serantau serta menyokong kempen Tahun Melawat Malaysia 2026,” katanya.

Beliau turut merakamkan penghargaan kepada AirAsia kerana mengambil inisiatif membawa wakil media dan mempengaruhi dari Indonesia bagi mengenali dengan lebih dekat produk pelancongan di Kelantan.

Katanya, pengalaman yang diperoleh peserta sepanjang program diyakini mampu diterjemahkan kepada promosi lebih meluas melalui platform media dan media sosial masing-masing.

Program tersebut melibatkan penyertaan sepuluh mempengaruhi media sosial, lima wakil media dari

Indonesia serta lima wakil AirAsia yang mempunyai pengaruh besar dalam mempromosikan destinasi pelancongan kepada jutaan pengikut dan pembaca.

Sepanjang 21 hingga 24 Jun lalu, para peserta dibawa menikmati pengalaman pelancongan di Pulau Perhentian sebelum meneruskan lawatan ke Kelantan.

Seterusnya, pada 24 hingga 27 Jun, peserta mengikuti pelbagai pengisian yang diselenggarakan Tourism Kelantan meliputi warisan budaya, gastronomi, pelancongan komuniti, seni dan kraf tempatan serta destinasi pelancongan utama di negeri ini.

Mengulas lanjut, beliau memaklumkan, pembukaan laluan penerbangan terus Jakarta–Kota Bharu merupakan satu pencapaian penting yang mampu meningkatkan keterhubungan serantau.

“Laluan ini bukan sahaja memu-

“

Kerjasama strategik antara AirAsia dan Kerajaan Negeri Kelantan ini membuktikan komitmen bersama dalam memperkukuh hubungan pelancongan serantau serta menyokong kempen Tahun Melawat Malaysia 2026,”

dahkan kemasukan pelancong Indonesia ke Kelantan, malah membuka peluang baharu dalam sektor pelancongan, perdagangan, pendidikan dan pelaburan.

“Kelantan kini berada pada kedudukan yang lebih strategik sebagai pintu masuk ke Pantai Timur Malaysia dan selatan Thailand,” jelasnya.

Beliau juga menegaskan, kerajaan negeri komited untuk terus memperkukuh industri pelancongan melalui kerjasama erat dengan syarikat penerbangan, agensi pelancongan dan rakan strategik antarabangsa.

Dalam pada itu, beliau turut merakamkan penghargaan kepada para penaja yang menjayakan program berkenaan iaitu Nasrom Travel & Tours, Renai Hotel Kota Bharu, Ekspres Perdana dan Kemasin Beach Resort.

